



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

**MESYUARAT JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)**

Mengenai:

**Transaksi Tanah Milik
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur**

Kementerian Wilayah Persekutuan:

- i) YB Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad,
Menteri Wilayah Persekutuan
- ii) YBhg. Datuk Seri Haji Saripuddin bin Haji
Kasim, Ketua Setiausaha Kementerian
Wilayah Persekutuan

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur:

- i) YBhg. Dato' Nor Hisham bin A Dahlan,
Datuk Bandar

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL KEDUA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
SELASA, 12 NOVEMBER 2019**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] - *Pengerusi*
YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]
YB. Tuan Wong Chen [Subang]
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
YB. Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]
YB. Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]
YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]
YB. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Mazidah binti Mohamed [Ketua Penolong Setiausaha (Seksyen Jurubahasa dan Terjemahan) Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia]

samb/

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

Puan Hajah Yusnani binti Zakaria [Pengarah Bahagian Audit Prestasi I]
Dr. Sayed Alwee Hussnie bin Sayed Hussin [Timbalan Pengarah Bahagian Susulan Audit]
Encik Muhammad Zhaffan bin Zaini [Penolong Pengarah Bahagian Susulan Audit]
Puan Iylia Munirah binti Othman [Juruaudit (Cawangan Audit Pelbagai Kementerian/Jabatan 1)]
Puan Intan Noorashikin binti Nasarudin [Penasihat Undang-undang (Unit Khidmat Nasihat Undang-undang)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Puan Fadzillah binti Shamsuddin [Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya]
Puan Rozi binti Rahman [Penguasa Kanan Bahagian Pemeriksaan dan Perundangan]

Kementerian Kewangan

Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha Unit Kawalan Pemantauan (LKAN & PAC)]
Encik Mohammad Adam Danial bin Hafiz Goh [Penolong Setiausaha Unit Kawalan Pemantauan (LKAN & PAC)]

Jabatan Akauntan Negara

Puan Zuriyanti binti Abd Hamid [Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi]

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

Dato' Dr. Rujhan bin Mustafa [Pengarah Bahagian Perkhidmatan Sosial]
Encik Abdul Halim bin Abdul Aziz [Pengarah Bahagian Pembangunan Ekuiti]
Cik Suhaida binti Mohd Dahlan [Akauntan Bahagian Pembangunan Ekuiti]

Jabatan Perkhidmatan Awam

Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan (Unit Laporan Ketua Audit Negara dan Operasi Khas)]

Jabatan Peguam Negara

Puan Norhasmiza binti Othman [Ketua Unit Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan dan Jawatankuasa Khas Negara]
Cik Farhati binti Ahmad Tajuddin [Peguam Kanan Persekutuan]
Puan Hanisa binti Salehin [Peguam Kanan Persekutuan]

samb/

SAKSI-SAKSI**Kementerian Wilayah Persekutuan**

YB. Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Menteri]

Datuk Hajah Rosida binti Jaafar [Ketua Setiausaha]

Dato' Siti Fatimah binti Daud [Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembangunan)]

Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain [Setiausaha Bahagian Sosio Ekonomi]

Encik Mohd Mahyuddin bin Yahya [Timbalan Setiausaha Bahagian Sosio Ekonomi (Seksyen Ekonomi dan Penswastaan)]

Puan Nur Azwani Hasleem binti Nasrun [Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Sosio Ekonomi (Unit Penswastaan dan Pembangunan Semula)]

Puan Najwani binti Noor Hassan [Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Sosio Ekonomi (Unit Penswastaan dan Pembangunan Semula)]

Puan Nor Azalia binti Atan [Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Sosio Ekonomi (Unit Pembangunan Residen Wilayah)]

Puan Zawiyah binti Saad [Penasihat Undang-undang]

Encik Zulhazmi bin Shariff [Pegawai Tugas-tugas Khas II Menteri Wilayah Persekutuan]

Encik Zulkefli bin Mohd Nani [Setiausaha Sulit Kanan Menteri Wilayah Persekutuan]

Encik Mohd. Firdaus bin Mokhtar [Setiausaha Sulit Menteri Wilayah Persekutuan]

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan [Datuk Bandar Kuala Lumpur]

Tuan Haji Nurazizi bin Mokhtar [Pengarah Eksekutif (Perancangan)]

Tuan Haji Azmi bin Abdul Hamid [Pengarah Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan]

Tuan Haji Che Azhar bin Che Abdullah [Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta]

Puan Fadzilah binti Abd Rashid [Pengarah Jabatan Undang-undang dan Pendakwaan]

Encik Mohamad bin Hamim [Pengarah Jabatan Kewangan]

Encik Zulyazri bin Ismail [Pengarah Jabatan Ukur Bahan]

Tuan Haji Samsuddin bin Abdul Kadir [Timbalan Pengarah Kanan Jabatan Perancangan Bandaraya]

Puan Izmah Nor binti Haji Mohd Idris [Timbalan Pengarah Jabatan Undang-undang dan Pendakwaan]

Cik Fadzilah binti Ahmad [Pegawai Penilaian Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta]

Encik Mohd Jasni bin Jamaludin [Pegawai Khas Datuk Bandar]

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan

Dato' Haji Che Roslan bin Che Daud [Pengarah]

Yayasan Wilayah Persekutuan

Encik Zaizalnizam bin Zainun [Ketua Pegawai Eksekutif]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KEDUA

Selasa, 12 November 2019

Bilik Jawatankuasa 1, Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.09 pagi

[Yang Berhormat Dato' Dr. Noraini Ahmad *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Pengerusi: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan selamat datang saya ucapkan kepada Yang Berhormat Naib Pengerusi PAC Parlimen, Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh, Yang Berhormat Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen Keempat Belas, semua ex-officio PAC Parlimen daripada Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Jabatan Akauntan Negara. Terima kasih kepada semua kerana hadir dalam mesyuarat PAC Parlimen.

Yang Berhormat Ahli-ahli mesyuarat sekalian, pagi ini Jawatankuasa akan meneruskan mesyuarat prosiding berhubung penjualan tanah milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Prosiding hari ini akan membabitkan saksi yang terdiri daripada Yang Berhormat Tuan Haji Khalid Samad, Menteri Wilayah Persekutuan; Yang Berbahagia Datuk Hajah Rosida binti Jaafar, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan; Yang Berbahagia Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan, Datuk Bandar Kuala Lumpur; Yang Berbahagia Dato' Siti Fatimah binti Daud, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembangunan) Kementerian Wilayah Persekutuan; dan barisan pengurusan tertinggi daripada Kementerian Wilayah Persekutuan serta DBKL.

Ini adalah prosiding yang kelima membabitkan isu penjualan tanah milik DBKL selepas Jawatankuasa ini mula mengadakan prosiding pada 4 April 2019. Kali terakhir Jawatankuasa ini mengadakan prosiding berhubung isu ini adalah pada 20 Ogos 2019 dengan memanggil Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, seperti yang saya maklumkan sebelum ini, bahawa PAC Parlimen ada menerima surat daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang membenarkan Jawatankuasa ini untuk mendapatkan bantuan daripada Jabatan Audit Negara (JAN) bagi melaksanakan pengauditan terhadap Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP). Walau bagaimanapun, pada 14 Oktober 2019, Yang Berbahagia Dato' Nik Azman bin Nik Abdul Majid

ada memaklumkan kepada PAC Parlimen mengapa sebab JAN tidak boleh melaksanakan pengauditan terhadap YWP.

Sehubungan dengan itu, saya menjemput wakil JAN untuk memberikan penjelasan kepada PAC Parlimen dan juga ex-officio PAC Parlimen sebab mengapa JAN tidak boleh melaksanakan pengauditan untuk direkodkan dalam *Hansard* prosiding ini. Dipersilakan wakil JAN.

Puan Hajah Yusnani binti Zakaria [Pengarah Bahagian Audit Prestasi I, Jabatan Audit Negara]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Tuan Pengerusi PAC, Ahli-ahli PAC. Bersama ini, saya juga membawa Pegawai Undang-undang untuk memberikan penjelasan lebih lanjutlah. Saya risau kalau sekiranya saya sebagai *Auditor* takut ada— tidak lupa daripada segi memberitahu tentang peruntukan undang-undang. Jadi saya mohon saya punya Pegawai Undang-undang untuk memberikan penjelasan lebih lanjut kenapa kita tidak boleh masuk atau mengaudit Yayasan Wilayah Persekutuan. Okey, silakan.

Puan Intan Noorashikin binti Nasarudin [Penasihat Undang-undang (Unit Khidmat Nasihat Undang-undang), Jabatan Audit Negara]: *Assalamualaikum* dan selamat pagi kepada Yang Berbahagia Dato' Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC sekalian.

Tuan Pengerusi, *stand* Unit Khidmat Nasihat Undang-undang Jabatan...

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Tuan Pengerusi, boleh dapatkan nama Pegawai Undang-undang?

Puan Intan Noorashikin binti Nasarudin: Minta maaf. Nama saya Intan Noorashikin binti Nasarudin.

Seperti yang sedia maklum, kuasa pengauditan Ketua Audit Negara adalah di bawah seksyen 5(1) Akta Audit 1957 ataupun kita panggil sebagai Akta 62. Di bawah peruntukan ini, dinyatakan secara jelas iaitu di bawah seksyen 5(1)(f) bahawa, "*Akaun mana-mana pihak berkuasa awam lain jika Menteri Kewangan berpuas hati bahawa kepentingan awam memerlukan akaun pihak berkuasa itu diperiksa, disiasat atau diaudit oleh Ketua Audit Negara walau apa pun mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan akaun dan pengauditan mana-mana pihak berkuasa sedemikian*".

Oleh yang demikian, Jabatan Audit Negara telah menerima surat daripada PAC bertarikh 7 Oktober yang menyatakan bahawa Menteri Kewangan telah bersetuju untuk Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan kepada Yayasan Wilayah Persekutuan. Namun begitu, hasil semakan unit ini, kami mendapati bahawa Yayasan Wilayah Persekutuan tidak tertakluk di bawah definisi "*Pihak berkuasa awam*". Oleh yang demikian, Ketua Audit Negara tidak mempunyai kuasa untuk mengaudit Yayasan Wilayah Persekutuan kerana ia bukanlah pihak berkuasa awam.

Itu sahaja, Tuan Pengerusi. Sekiranya ada apa-apa soalan lain, saya akan cuba untuk memperjelaskan.

Tuan Pengerusi: Ada apa-apa hendak bertanya kepada Audit? Kalau tidak ada, terima kasih. Jadinya, selepas kita mendengar penjelasan itu, kita jelaslah mengapa JAN tidak boleh melakukan pengauditan.

Berikutan daripada itu, dalam prosiding hari ini di mana kedua-dua pemegang amanah Yayasan Wilayah Persekutuan iaitu Menteri Wilayah Persekutuan dan juga Datuk Bandar sendiri akan hadir. Jawatankuasa sebenarnya boleh bertanya dengan lebih lanjut mengenai YWP ini dan jika perlu, kita boleh minta kebenaran khas daripada mereka kalau sekiranya kita hendakkan JAN untuk melaksanakan pengauditan terhadap Yayasan Wilayah Persekutuan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat PAC dan ex-officio, Sekretariat ada meletakkan beberapa dokumen penting dalam sampul kecil masing-masing termasuk M&A Yayasan untuk rujukan semua ketika prosiding nanti. Jadinya, sebelum saya panggil saksi masuk, saya juga hendak buka kepada Ahli-ahli Mesyuarat semua sekiranya ada pandangan dan cadangan dan pertanyaan. Dipersilakan.

Ada atau tidak daripada ex-officio ada yang— daripada SPRM, boleh terangkan apa yang berkaitan dengan Yayasan ini? Ada atau tidak di bawah makluman?

Puan Rozi binti Rahman [Penguasa Kanan Bahagian Pemeriksaan dan Perundangan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia]: *Assalamualaikum* Tuan Pengerusi, datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan. Kalau kita di SPRM pun sama sebenarnya kalau sekiranya— macam di SPRM, mana-mana yang tidak tertakluk kepada kami untuk melakukan— bukan badan awam, maksudnya sektor swasta. Akan tetapi kita berdasarkan kepada permintaan daripada organisasi berkenaan.

Walau bagaimanapun, untuk yayasan, kena tengok dia punya kuasa— ini rasanya di bawah— ini saya tidak pasti yang Yayasan Wilayah Persekutuan ini. Walau bagaimanapun, SPRM membuat siasatanlah terhadap kes lot tanah ini dan memang ada 20 transaksi di dalam siasatan SPRM dan telah...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Rozi binti Rahman: Yes, yes. Daripada 97 ini, 20 transaksi memang dalam siasatan SPRM dan telah pun dituduh seperti Yang Berbahagia Datuk Seri Shukri, mantan Ketua Pesuruhjaya, hari itu telah memaklumkan kepada PAC sebelum ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey, jadinya tanpa membuang masa, kita panggillah saksi untuk masuk bagi memberikan penjelasan serta pandangan berhubung isu penjualan tanah.

[Saksi-saksi mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, selamat pagi semua. Selamat datang saya ucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Haji Khalid Samad selaku Menteri Wilayah Persekutuan, Yang Berbahagia Datuk Hajah Rosida binti Jaafar selaku Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Yang Berbahagia Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan selaku Datuk Bandar Kuala Lumpur, Yang Berbahagia Dato' Siti Fatimah binti Daud selaku Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembangunan) dan barisan pengurusan tertinggi daripada Kementerian Wilayah Persekutuan serta DBKL. Terima kasih semua kerana hadir pada pagi ini di hadapan PAC.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri dan semua saksi, prosiding hari ini adalah sebenarnya prosiding kelima yang membabitkan isu penjualan tanah milik DBKL. Jawatankuasa ini memulakan prosiding berhubung isu ini dengan menggunakan punca kuasa daripada Peraturan Mesyuarat 77(1)(d) yang jelas menyebut "*Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dilantik pada awal tiap-tiap Parlimen kerana memeriksa apa-apa perkara lain yang difikirkan oleh Jawatankuasa itu patut diperiksa, atau apa-apa perkara yang diserahkan oleh Majlis kepada Jawatankuasa itu*".

■1120

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, PAC Parlimen memulakan prosiding berhubung isu penjualan tanah milik DBKL ini pada 4 April yang lalu dengan memanggil Yang Berhormat Menteri sendiri. Diikuti pada 23 April, Jawatankuasa ini mendengar penjelasan daripada Yang Berbahagia Datuk Siti Zainab binti Omar yang merupakan Peguam Cara II yang mewakili Yang Berbahagia Tan Sri Tommy Thomas, Peguam Negara. Serta juga mendapat penjelasan daripada Yang Berbahagia Datuk Shukri Abdullah yang ketika itu beliau adalah Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Pada 19 Ogos...

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Datuk Shukri Abdull, bukan Abdullah.

Tuan Pengerusi: Ya, Datuk Shukri Abdull.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tan Sri Shukri Abdull...

Tuan Pengerusi: Tan Sri— *no*, belum Tan Sri lagi. Datuk Shukri Abdull, Ketua Pesuruhjaya SPRM.

Pada 19 Ogos yang lepas, PAC Parlimen mendengar pandangan dan penjelasan daripada Yang Berbahagia Tuan Derek John Fernandez, seorang peguam yang juga Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya berhubung isu ini. Pada 20 Ogos 2019, Datuk Bandar Kuala Lumpur memberikan penjelasan di hadapan Jawatankuasa.

Berikutan itu, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, Yang Berbahagia Datuk Bandar dan semua saksi daripada Kementerian Wilayah Persekutuan serta DBKL atas kerjasama dan komitmen yang diberikan kepada PAC Parlimen dalam mengadakan prosiding berhubung penjualan tanah milik DBKL.

Memandangkan semua telah faham dan juga telah bersedia, maka eloklah kita memulakan prosiding kita pada hari ini. Saya hendak minta supaya Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan untuk memberikan penjelasan dan keterangan kepada PAC Parlimen. Dipersilakan Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Menteri Wilayah Persekutuan]: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Bismillahi Rahmani Rahim. Alhamdulillah rabbil 'alamin, wassalatu wassalamu ala asrafil ambiya iwal mursalin, wa 'ala alihi wasahbihi ajma'in.*

Saya ucapkan terima kasih di atas ucapan permulaan, mukadimah tadi. Saya tidak tahu sama ada saya boleh tanya berhubung dengan sesi-sesi yang telah diadakan sebelum ini. Saya tidak faham kenapa Derek John Fernandez dipanggil, fasal dia tidak ada kena-mengena dengan Wilayah Persekutuan. Apa kena-mengena dengan dia? Saya dengan dia memang ada banyak berhujahlah oleh kerana isu-isu *Master Plan Kuala Lumpur 2020* yang dia tidak setuju saya wartakan.

Sebelum ia diwartakan, semua riuh fasal perlu diwartakan tetapi apabila saya wartakan, timbul pula isu kata tidak sepatutnya diwartakan kerana sudah ada banyak pindaan. Dia pun merupakan seorang yang tegar menentang pembangunan di Taman Rimba Kiara. Itu pun dia mempertikaikan. So, saya pun pelik fasal dia tidak ada kena-mengena dengan Wilayah Persekutuan. *[Ketawa]* Dia MBPJ. Namun demikian, saya akui lah itu hak PAC lah hendak panggil sesiapa dia hendak, kan?

Untuk penerangan yang hendak dibuat pada hari ini, *it is a bit strange, that's all.* Akan tetapi, untuk hari ini, yang hendak buat penerangan, saya hendak minta supaya Datuk Azmi untuk membuat pembentangan. Ini kerana dari segi perjalanan jawatankuasa yang ditubuhkan, memang saya tidak terlibatlah kecuali pada penghujung setelah jawatankuasa sudah selesai ia punya rundingan, maka mereka melaporkan.

Saya terlibat dalam pembentukan jawatankuasa itu dan menentukan ia punya *terms of reference*, kita berbincang bersama. Akan tetapi selepas itu, segala rundingan berhubung dengan harga pembelian tanah dan sebagainya dalam kes-kes yang disiasat, memang saya tidak terlibat secara *direct* lah. Akan tetapi, latar belakang kenapa jawatankuasa itu telah ditubuhkan

dan sebagainya, mungkin saya boleh jelaskan tetapi ia punya rundingan itu saya tidak terlibat sehingga hujung. So, saya...

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Tuan Pengerusi, boleh saya mencelah sikit? Terima kasih. Oleh kerana Yang Berhormat Menteri menyebutkan tentang beliau tidak terlibat dengan JTTM DBKL dalam membuat keputusan akhir...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Terlibat dalam rundingan tetapi apabila jawatankuasa itu telah selesai, memang mereka bantangkan kepada sayalah untuk persetujuan.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Untuk persetujuan?

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Untuk persetujuan lah, kerana...

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Kalau saya ingin membetulkan ayat saya, bahawa ketika dalam prosiding yang lalu, kami mendapat maklumat bahawa sebenarnya yang membuat keputusan dalam penentuan apa sahaja yang diputuskan, semuanya terletak pada kuasa Yang Berhormat Menteri akhirnya. Apa komen Yang Berhormat Menteri?

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Apabila jawatankuasa itu membuat laporan, maka apa yang telah mereka capai, saya melihat sama ada ia memenuhi matlamat di sebalik pembentukan jawatankuasa itu ataupun sebaliknya. Kalau jawatankuasa—

Sebagai contoh lah, kalau jawatankuasa itu di antaranya dia hendak runding, dia kena rujuk kepada penilaian yang telah dibuat oleh JPPH. So, saya kena *check* lah, adakah ia memenuhi kriteria itu ataupun sebaliknya. Maknanya jawatankuasa itu akhirnya dia kena balik semula kepada sayalah kerana saya yang tubuhkan jawatankuasa itu untuk menyiasat. So, *they must prove to me that they have fulfilled the objectives of the rundingan*. Apabila didapati ia okey, maka saya setuju lah. Maknanya dia memenuhilah apa yang syarat-syarat dan matlamat di sebalik pembentukannya.

Semestinya saya merasakan bahawa jawatankuasa itu, oleh kerana ia ditubuhkan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan, semestinya ia lapor baliklah pada sayalah, kan?

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Saya tidak tahulah...

Tuan Pengerusi: Okey, Yang Berhormat Menteri, dalam prosiding pada kali ini, Yang Berhormat Menteri dan juga Datuk Bandar adalah pemegang amanah dalam Yayasan Wilayah Persekutuan. Kita punya prosiding ini lebih ke arah Yayasan itu sendiri.

Jadinya, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri dan juga mungkin Datuk Muhammad Azmi, apakah sebenarnya peranan Yayasan ini? Siapa yang selain daripada Datuk Bandar dan juga Yang Berhormat Menteri sendiri yang duduk dalam Yayasan, siapa lagi yang

duduk dalam *board* Yayasan? Adakah Yayasan ini ada membuat *contribution* apa-apa kepada masyarakat sekeliling?

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Saya serah kepada Datuk Azmi untuk membuat pembentangan. So, fasal yang tanah-tanah sebelum ini tidak payahlah ya? Tumpu kepada Yayasan Wilayah Persekutuan sahaja.

Okey, sebelum Datuk Azmi memulakan penjelasan, saya hendak sebut bahawa apabila saya dilantik sebagai Menteri Wilayah Persekutuan, Yayasan itu sudah wujud. Pada masa yang sama, projek-projek yang Yayasan terlibat, telah pun ada. So, ia bukan satu perkara yang saya mula daripada *scratch*.

Dalam keadaan itu, saya kena buat keputusan sama ada projek-projek yang sedang diusahakan oleh Yayasan Wilayah Persekutuan itu kerana Yayasan Wilayah Persekutuan ini ia punya punca pendapatan selain daripada sumbangan adalah daripada projek-projek dan benda ini telah dimulakan sebelum saya. Saya kena buat keputusan sama ada saya boleh tamatkan projek-projek itu ataupun saya boleh pinda ataupun saya boleh teruskan. So, *that was the situation*.

Ia bukan merupakan projek yang saya mulakan tetapi saya mengambil alih dalam keadaan perjanjian-perjanjian telah pun ditandatangani, tanah telah pun dibeli, telah pun ditukar nama, telah pun berada atas nama Yayasan Wilayah Persekutuan pada ketika saya ambil alih. Akan tetapi, tidak apa, saya suruh Datuk Azmi untuk memulakan...

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Tuan Pengerusi, boleh saya? Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan juga Datuk Bandar.

Sebelum Datuk Azmi memulakan penjelasan, saya hanya ingin tekankan di sini dari segi peranan saudara Derek John Fernandez yang telah banyak sebenarnya memberikan nasihat kepada beberapa orang kami semasa kami memegang jawatan selaku Ahli Parlimen Kuala Lumpur.

Jadi, walaupun pihak DBKL dan pihak kementerian—bukanlah semua pandangan beliau itu dipersetujui tetapi pada saya amat baik dan juga seimbang untuk perkembangan Kuala Lumpur kalau kita dapatkan input khususnya dengan seseorang yang telah saya sendiri libatkan semasa pembentangan balas *Kuala Lumpur Structure Plan*. Termasuklah juga beberapa sesi Kaedah 5.

■1130

Jadi, sebagai pemegang taruh, saya memandang beliau sebagai salah seorang yang penting memberi input, bukan sahaja kepada PAC tetapi kepada perkembangan Kuala Lumpur sepenuhnya, *insya-Allah*.

Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh mengambil secara positif. Hari ini juga kebanyakan daripada persoalan yang dibangkitkan oleh Yayasan Wilayah ini adalah persoalan yang lama yang kita ketahui baru sahaja Menteri terpaksa hadapi. Akan tetapi, pada saya, pentinglah untuk kita bersikap terbuka kerana saya nampak semangat yang sama ditunjukkan oleh Datuk Bandar untuk memperbaiki khidmat, ada komitmen yang tinggi, maka mungkin dengan semangat itulah juga kita teruskan prosiding ini.

Tuan Pengerusi: Ya, dipersilakan Datuk Azmi.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Sebelum Datuk Azmi, saya respons jugalah. Bagi saya pun, tak ada masalah. Hanya saya rasa sepatutnya dia datang jumpa saya dulu. Dia mengkritik pewartaan Kuala Lumpur 2020 tanpa dia jumpa saya. *I mean, common sense* lah. *You look from my perspective*. Jangan main tembak berdasarkan kepada maklumat yang ada di luar.

Kalau kami masih pembangkang dan Ku Nan masih Menteri Wilayah, mungkin dia nak dapat akses untuk nak dapatkan penjelasan tak ada. *But I am the Minister, he should come and see me and let me explain why. Rather than you shoot in the social media* dan menimbulkan berbagai-bagai persepsi dan kekeliruan. Keputusan-keputusan yang kita buat pun bukan kita buat pandai-pandai seorang diri. Kita pun dapat rujuk daripada pakar-pakar yang dilantik dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur berhubung dengan perancangan bandar, berhubung dengan KL 2020 punya *master plan, all the processes and all that sort of things* lah.

Akan tetapi tak apa lah, *I mean that is, as I said*, saya hormati hak PAC untuk memanggil siapa sahaja yang mereka inginkan. Hanya saya agak peliklah kerana dia tak ada kena mengena dengan wilayah secara rasminya walaupun sebelum itu ada terlibat dalam memberikan pandangan dan nasihat berhubung dengan Kuala Lumpur sebelum pilihan raya yang lepas.

So, saya minta Datuk Azmi untuk *start* dengan Yayasan Wilayah sahajalah ya. Fasal yang lain saya rasa, *insya-Allah*, tak ada masalah sangat. Silakan.

Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain [Setiausaha Bahagian Sosio Ekonomi, Kementerian Wilayah Persekutuan]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum* dan selamat pagi. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Dr. Noraini binti Ahmad, Pengerusi PAC, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, dan datuk-datuk, Tuan-tuan.

Sepertimana yang dimaklumkan, prosiding pada pagi ini kita memfokuskan kepada penubuhan Yayasan Wilayah Persekutuan. Izinkan saya terus membentangkan berkenaan dengan penubuhan Yayasan Wilayah Persekutuan, yang mana Yayasan Wilayah Persekutuan ataupun lebih dikenali sebagai YWP ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada tahun 1986. Namun, ia mula beroperasi 10 tahun selepas ditubuhkan iaitu pada tahun 1996 mula beroperasi.

Pengerusi YWP adalah Menteri yang bertanggungjawab kepada Wilayah Persekutuan. Antara mantan...

Tuan Pengerusi: Maknanya dia ini ditubuhkan di bawah Akta Syarikat, dia macam syarikat-syarikat lain juga, di bawah SSM lah ni ya. Okey.

Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain: Dia syarikat berhad di bawah jaminan kerajaan. So, antara mantan Pengerusi Yayasan Wilayah Persekutuan adalah Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir sendiri, Datuk Pandikar Amin dan juga Dato' Zulhasnan bin Rafique lah, yang mana kesemua ini menteri-menteri yang bertanggungjawab kepada Wilayah Persekutuan dan juga mantan Menteri Wilayah Persekutuan... *[Disampuk]* Ya, pada masa itu. Menteri di JPM yang bertanggungjawab kepada...

Tuan Pengerusi: Tan Sri Shahrir Samad pun bekas....

Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain: Itu yang pertama, yang pertama.

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]* Sebab nama dia ada dalam M&A lagi ini.

Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain: Ada. Itu yang pertama.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Lepas ini kalau Yayasan Wilayah Persekutuan ditutup, maka Tan Sri Shahrir yang pertama, saya yang terakhir. *[Ketawa]* Kalau ditutuplah. *In between was not family. [Ketawa]*

Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain: Okey. Suka saya tegaskan di sini bahawa Yayasan Wilayah Persekutuan bukan merupakan agensi ataupun anak syarikat di bawah KWP ataupun DBKL. Walau bagaimanapun, Yayasan Wilayah Persekutuan merupakan antara pihak yang membantu DBKL dan juga kementerian melaksanakan program-program sosial dan kebajikan di Wilayah Persekutuan.

Berdasarkan kepada Artikel 22 *Memorandum and Articles of Association* mengatakan Pengerusi Yayasan Wilayah Persekutuan mestilah Menteri bertanggungjawab kepada Wilayah Persekutuan dan pada masa ini, Menteri yang bertanggungjawab kepada Wilayah Persekutuan adalah Yang Berhormat Tuan Haji Khalid bin Abd Samad dan merupakan juga secara langsungnya akan menjadi Pengerusi Yayasan Wilayah Persekutuan.

Berdasarkan kepada Artikel 14, berkenaan dengan Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Menteri mempunyai kuasa mutlak untuk melantik mana-mana individu ataupun badan untuk menjadi Ahli Lembaga Pemegang Amanah. Pada masa ini, antara Ahli Lembaga Pemegang Amanah adalah Yang Berbahagia Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan iaitu Datuk Bandar Kuala Lumpur; Yang Berbahagia Datuk Zamri bin Salleh, wakil daripada KPKT; Yang Berusaha Tuan Ir. Hayatul Kamil bin Termudi merupakan Pegawai Tugas-tugas Khas Yang Berhormat Menteri sendiri; Cik Nor Tipah binti Majin iaitu Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah

Persekutuan Kuala Lumpur; Yang Berusaha Tuan Mohamad Riadz bin Tan Sri Mohamad Hashim yang mewakili NGO; Yang Berusaha Tuan Onn Abu Bakar, juga mewakili NGO; dan akhir sekali, Yang Berusaha Tuan Ahmad Zamri Asa'ad Khuzaimi, merupakan seorang peguam.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Datuk Azmi, *Dato' Chairman*, ada *Deputy Chairman* tak? *Because Article 22* ini says, "*There shall be a Deputy Chairman to be appointed by the Minister*" dalam *M&A*. Ada *Deputy Chairman* tak dalam senarai? Kalau baca lagi, "*The Deputy Chairman shall act in the absence of Chairman*". Ada *Deputy Chairman* tak?

Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain: Tak ada.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tak ada.

Tuan Wong Chen [Subang]: Baik, Datuk. Saya nak tanya sedikit tentang NGO ini. Kedua-dua ini saya memang tak kenallah kalau baca ini. NGO apa yang dia *represent*? Dan juga peguam-peguam itu, peguam siapa itu? Peguam syarikat apa?

Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain: Kita ambil sebagai yang profesionallah dalam menasihati berkenaan dengan pelaksanaan fungsi dan juga tanggungjawab Yayasan Wilayah Persekutuan itu.

Tuan Wong Chen: Ya, saya faham. Di Malaysia ini ada 10,000 hingga 15,000 peguam. Kenapa *you* pilih pada Tuan Ahmad Zamri ini? Siapa dia? Biasanya kalau kita pilih pun, seorang peguam yang betul-betul *experienced* lah, dan *Bar Council* biasanya ada peguam yang *specialised in housing and things like that*. So, on what basis was this guy picked? And also the NGO dua ini, NGO apa?

Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain: Ini dipilih berdasarkan kepada pengamatan yang boleh memberikan kerjasama kepada Pengerusi dan juga kepada Yayasan Wilayah Persekutuan sendirilah. Itu yang dipilih berdasarkan...

Tuan Wong Chen: Ya, saya faham. Saya cuma hendak tanya, siapa mereka, peguam mana, syarikat peguam mana? NGO, nama NGO itu, NGO apa? Kalau bolehlah.

Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain: Ini saya akan buat semakan balik, Yang Berhormat. Saya akan dapatkan maklumat daripada ini...

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Tuan Pengerusi. Datuk Azmi, sekiranya saya membaca Artikel 15, *Term of Office of Trustees*, ia menyatakan bahawa *the tenure of the appointment* adalah untuk satu tempoh sepanjang tiga tahun ataupun kurang daripada itu. So, apa yang terjadi, sama ada Menteri ada kuasa untuk menamatkan pelantikan tersebut atau tidak? Ini kerana sekiranya katakan pada tahun lepas ada pertukaran kerajaan, so, apa yang terjadi dengan *Board Member* sekiranya mereka tidak meletak jawatan?

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Saya ingat selepas kita menang pilihan raya, saya telah minta semua *political appointees* untuk letak jawatanlah. So, itu termasuk daripada Lembaga Penasihat DBKL dan juga dalam Yayasan Wilayah dan juga dalam Perbadanan Kampong Bharu. So, saya telah buat satu pengumuman secara terbuka dan disiarkan di dalam akhbar. So, hasil daripada itu, semua yang bekas-bekas, semua yang Ahli Lembaga yang dilantik oleh Ku Nan semua telah letak jawatan. So, dengan itu, kita telah melantik yang baharu.

Tuan Wong Kah Woh: Cuma dari segi penambahbaikan pengurusan, mungkin boleh tak saya dapatkan pandangan daripada PUU, sama ada mana-mana peruntukan dalam M&A ini menyatakan berkenaan dengan penamatan sekiranya mereka yang dahulu itu enggan untuk melepaskan jawatan? Ini kerana apa yang saya nampak, satu-satu orang yang boleh ditukar adalah Menteri kerana Menteri memegang jawatan sebagai Pengerusi dalam kapasiti beliau selaku Menteri. So, yang lain tidak. Pelantikannya adalah untuk tiga tahun. So, *PUU maybe?*

■1140

Puan Zawiyah binti Saad [Penasihat Undang-undang Kementerian Wilayah Persekutuan]: Berdasarkan semakan saya, Artikel 19, saya baca ya, "*Any members of the Board may be removed by the decision of the Minister if he think it expedient so to do without assigning any reason therefore*". Jadi, bolehlah.

Tuan Wong Kah Woh: *Okay, very well. Thank you.*

Dato' Takiyuddin bin Hassan: *Article 15?*

Tuan Wong Kah Woh: Artikel 19.

Tuan Pengerusi: Boleh tidak sebutkan nama? Sebutkan nama untuk tujuan *Hansard*.

Puan Zawiyah binti Saad: Saya Zawiyah binti Saad, Penasihat Undang-undang Kementerian Wilayah Persekutuan.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tuan Pengerusi, sedikit sahaja mengenai slaid 15 ini. Di situ disebut, "*Berdasarkan Artikel 14 M&A, Menteri mempunyai kuasa mutlak melantik mana-mana individu...*" untuk ini. *If we refer to Article 14* dalam M&A ini, dia menyatakan bahawa, "*The Minister may invite any representative of any Government Departments or any other person that represents certain professional...*" and what not. *At the end of the paragraph* itu disebut, "*To be members of the Board.*"

So, satu, "*May*" itu kalau dalam *law*-nya *is not absolute power. It is discretionary power* ini. Kalau hendak kata kuasa mutlak, "*Shall*". "*Shall invite*".

Keduanya, saya hendak tahu, adakah "*invite*" di sini bermakna *appoint*? Ini dalam ini. *Article 14* ini, "*May invite*". *But at the end of the paragraph* itu dia sebut, "*To be members of the board*" lah. Akan tetapi, adakah "*May invite*" itu *include appoint*? Terima kasih.

Datuk Hajah Rosida binti Jaafar [Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan]: Boleh tidak kita izinkan CEO Yayasan Wilayah Persekutuan untuk menjawab bagi pihak Yayasan Wilayah Persekutuan? Sebab, Yayasan Wilayah Persekutuan ini *is not under* Kementerian Wilayah Persekutuan. Jadi, *there are details that we don't know*. So, dia ada di sini...

Tuan Pengerusi: Okey, dipersilakan.

Datuk Hajah Rosida binti Jaafar: Okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Siapa? Siapa CEO?

Encik Zaizalnizam bin Zainun [Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan]: Saya Nizam daripada Yayasan Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi: Sebutkan nama penuh.

Encik Zaizalnizam bin Zainun: Encik Zaizalnizam bin Zainun, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Sekejap, Tuan Pengerusi. Saya tidak— Datuk KSU tadi kata Yayasan ini *not under* Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. So, *under* kementerian?

Tuan Pengerusi: Bukan. Dia *separate entity*. Dia *separate entity all together*.

Tuan Wong Kah Woh: *You check slide 13*.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: *It has been the case since 1986*.

Tuan Pengerusi: Persepsi, persepsi. *Perception is there*, macam seolah-olahnya Yayasan Wilayah Persekutuan adalah sebahagian daripada DBKL, daripada kementerian. Sebab itulah. Okey, CEO. CEO, okey, *you* terangkan.

Encik Zaizalnizam bin Zainun: Untuk Yayasan Wilayah Persekutuan, Yayasan Wilayah Persekutuan ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1957 yang dipengerusikan oleh Menteri Wilayah Persekutuan. Kuasa melantik ahli lembaga pemegang amanah di Yayasan Wilayah Persekutuan adalah kuasa Menteri. Sebelum ini, memang semua Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Wilayah Persekutuan memang dilantik sepenuhnya oleh kuasa Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan sendiri.

Kita di Yayasan Wilayah Persekutuan melaksanakan program-program kebajikan di bawah *tagline* PESAT iaitu pendidikan, ekonomi, sosial, agama dan teknologi. Sumbangan-sumbangan dan hasil dana yang diperoleh melalui perniagaan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dikhususkan kepada perkembangan melalui PESAT inilah— pendidikan, ekonomi, sosial, agama dan teknologi.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi, Yang Berhormat Menteri, kalau misalannya Yang Berhormat Menteri hari itu mengumumkan supaya mereka letak jawatan tetapi kalau mereka tak nak juga letak jawatan, dia tidak boleh hendak buat apa juga kan?

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Boleh. Hanya...

Tuan Pengerusi: Ini "May".

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Boleh.

Tuan Wong Kah Woh: *I think Minister boleh...*

Tuan Pengerusi: "May be removed".

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Yes.

Tuan Pengerusi: "May be removed".

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: *I bolehlah. Dia macam ini. Dia dari sudut politik, saya tak nak bila saya hendak masuk, saya jadi Menteri Wilayah, lalu saya start pecat-pecat semua orang. So, saya beritahu mereka, "Kamu pun fahamlah. Faham-faham sendirilah fasal kamu dilantik dahulu pun oleh sebab Menteri adalah Menteri Barisan Nasional". Lalu bila kita ambil alih, faham-fahamlah. So, saya suruh mereka letak jawatanlah. So, at least, tidak adalah nampak macam saya masuk ini ganas sangat.*

Apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kota Bharu berhubung dengan pelantikan ahli pemegang amanah *it says "May"*, dalam konteks "May" itu bererti, fahaman saya, bahawa tidak semestinya yang dilantik itu adalah daripada agensi kerajaan ataupun sebagainya. *So, that is where the Minister has the absolute discretion.* Kalau digunakan "Shall", maka bererti bahawa saya kena lantik yang daripada agensi kerajaan. Akan tetapi bila dikatakan "May", bererti saya ada *discretion* saya hendak lantik siapa sahaja yang saya rasa sesuai termasuklah dengan peguam yang saya sendiri kenal dia sebagai seorang aktivis di Kuala Lumpur, di Wilayah dan saya lantik dia kerana dia seorang yang telah— seperti mana Derek Fernandez, sebelum pilihan raya pun banyak bergerak di dalam Wilayah dan sebagainya. *So, it is up to me.*

So, siapa saya hendak lantik, sama ada saya hendak lantik daripada agensi kerajaan ataupun saya tak nak seorang daripada agensi kerajaan pun, itu terpulang pada saya. *So, the definition "May" itu is in term of the choice, but the pelantikan itu semestinya dibuat oleh Menteri Wilayah.*

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Tuan Pengerusi, soalan saya. Saya meneliti yang *memorandum of association*, Artikel 3 ada 28 *objects*. Antaranya ada enam berkenaan membantu orang miskin, *helping the poor, I think which is very noble, I mean helping the poor, if you execute properly.*

Akan tetapi saya lihat daripada segi Artikel 14, pelantikan tujuh orang pemegang amanah ini, dia tidak menggambarkan komposisi kaum di Kuala Lumpur, di Wilayah Persekutuan. Walaupun saya menghormati *discretion* Menteri, tetapi saya dapati ini tidak menggambarkan *representation*.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Yayasan Wilayah Persekutuan *fortunately or unfortunately*, dia sudah *specify must be Malays. I was told...*

Tuan Wong Hon Wai: *Is there in any of the objects?*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Ada tidak? [*Bertanya kepada pegawai*] Dari segi pelantikan orang Melayu, yang bukan Melayu. Pernah? Oh, okey.

I was informed at the point that it should be appointed are only Malays but I am being inform today that it is not necessarily the case.

Tuan Wong Hon Wai: *It is not stated in your memorandum of association. So, I think...*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Okey. *The reason is he staying in Kampong Bharu, according to my CEO lah, because of course I depend on my CEO, fasal dia yang lama. Because we are in Kampong Bharu, so dia punya ahli lembaga itu semua mesti Bumiputera. This is because of the location of the office. Because of the location of the office.*

Tuan Wong Kah Woh: Akan tetapi, Yang Berhormat Menteri...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: *So, that was the advice that I was given.*

Tuan Wong Kah Woh: Ya. Saya hendak membangkitkan Artikel 13 yang menyatakan *board of trustees*. Berkenaan dengan *board of trustees* yang pertama, mula-mula saya faham— mungkin *I can conclude that* apabila ia ditubuhkan pada tahun 1986, lima orang yang dilantik sememangnya ada kombinasi kaum. Nombor tiga, Tan Sri Dato' Thong Yaw Hong. So, memang *I think...*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: *Maybe at that time it was not located in Kampong Bharu. Because, the strict reading of Kampong Bharu punya itu— I mean, this is the understanding lah. Akan tetapi, benda ini kalau rasa boleh dipinda, kita boleh pindalah. But, I was advised that at that point in time.*

Tuan Wong Kah Woh: Okey, Tuan Pengerusi...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tuan Pengerusi...

Tuan Wong Kah Woh: Okey, *sorry* ya. Soalan selanjutnya daripada situ, kita boleh rujuk balik semula kepada slaid 13. Apabila kita menyatakan bahawa Yayasan Wilayah Persekutuan bukan merupakan agensi ataupun anak syarikat biarpun yang berkaitan ataupun di bawah kementerian ataupun DBKL, soalan saya adalah kepada siapa Yayasan Wilayah Persekutuan

accountable for? Katakan berkenaan dengan penyata kewangan dan sebagainya, di manakah dilaporkan? Sama ada untuk kepada ahli-ahli sahaja atau bagaimana?

■1150

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Saya soalan yang sama. Sekejap, tambahan ya, Yang Berhormat Menteri. Slaid 13 juga. Betul sebagaimana Timbalan Pengerusi iaitu Yang Berhormat Ipoh Timur sebut tadi, Yayasan bukan merupakan agensi atau anak syarikat di bawah KWP or DBKL. Boleh kita nyatakan bahawa *legally*, secara legalnya *because the Yayasan is a company by itself*, tetapi hakikatnya aktiviti, dia punya *obligation* semua ada kaitan dengan KWP dan DBKL? Boleh sebut macam itu? Hakikatnya. *Legally* memang tidak adalah.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Ya, *legally* dia tidak ada tetapi Yayasan Wilayah ini dia punya peranan adalah untuk melakukan kerja-kerja kebajikan di Wilayah Persekutuan. Sebagai Menteri Wilayah, *of course*, kita hendak tumpu aktiviti dia kepada Wilayah Persekutuan iaitu sama ada Kuala Lumpur, Putrajaya ataupun Labuan. Dari segi keterbukaannya, sepertimana semua syarikat-syarikat, ia mesti diaudit dan auditnya mesti dipamerkan secara terbuka dan boleh diakses oleh orang ramai. Hanya dari segi dia punya hubung kait yang rasminya, memang dia tidak ada apa-apa kepada kementerian ataupun pada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. *That was the nature of its formation.*

Saya menganggarkan bahawa ia dilakukan sedemikian rupa dengan tujuan untuk hendak memberikan fleksibiliti kepada Yayasan Wilayah untuk melakukan apa yang dia anggap perlu untuk membantu warga di Wilayah Persekutuan. Fleksibiliti ini memang ia tidak terikatlah kepada peraturan-peraturan agensi kerajaan ataupun jabatan kerajaan tetapi ia tetap terikat kepada undang-undang negara termasuk persoalan audit dan sebagainya.

Saya telah ambil alih dan dengan pengambilalihan ini, kita mula menentukan bahawa kegiatan Yayasan Wilayah Persekutuan ini adalah lebih telus dan lebih terbukalah. Maka semua kegiatan-kegiatan yang dilakukannya banyak *coverage through the media* dan baru-baru ini dia punya Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah pun kita buat PC selepas itu untuk memaklumkan segala kegiatan dan kewangan yang ada pada Yayasan Wilayah Persekutuan, aset yang ada pada Yayasan Wilayah Persekutuan dan cara ia diguna pakai.

Untuk makluman ya, sebenarnya saya hendak mintalah kalau boleh biar dia punya *presentation* ini habis fasal ada beberapa ciri-ciri yang penting yang perlu diperjelaskan termasuklah hakikat bahawa kita ini tidak dapat gaji, tidak dapat bonus, tidak dapat dividen, tidak ada saham dalam Yayasan ini. So, saya harap kalau boleh...

Tuan Wong Hon Wai: Sebelum itu, Yang Berhormat Menteri...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Dia ada tetapi ia begini ya. Wilayah Persekutuan ini dia bukan *state government*. *State government*, dia ada banyak agensi-agensi untuk melakukan kerja-kerja kebajikan. Wilayah *has nothing*. Apa yang Wilayah ada adalah hanya apa yang diberikan oleh kementerian-kementerian Persekutuan seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, seperti MAIWP dan sebagainya. *But I do not have a welfare wing of my own unlike Menteri Besar*. Menteri Besar dekat Selangor itu, dia ada Yayasan Selangor, dia ada MBI, dia ada PKNS, dia ada berbagai-bagai agensi untuk melakukan kerja-kerja kebajikan untuk warga wilayah. *I have nothing*.

So, bila saya ambil alih, bila Yayasan Wilayah itu saya dapati dia ada dan dia berperanan sebagai jabatan ataupun sebagai sayap kebajikan, maka saya membuat— dan oleh sebab dia ada banyak aset yang telah pun kita ambil alih dan projek, maka saya membuat keputusan bahawa kita teruskan sebab sudah banyak komitmen dan kita manfaatkannya sebagai sayap kebajikan sepertimana yang sepatutnyalah.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Bukit Bendera.

Tuan Wong Hon Wai: Tuan Pengerusi. Ya, tadi tentang Artikel 14 berkenaan dengan pemegang amanah ini tentang *representation*, representasi daripada semua kaum. Tadi Yang Berhormat Menteri telah memberi jawapan tetapi sebagai Menteri yang baharu, saya beri ruang juga kepada Menteri mungkin *revisit this area*. Kalau tidak— kerana kalau jawapan itu diambil sebagai betul, maka Menteri Wilayah hanya boleh sesuatu kaum sahaja. *It cannot be true, it cannot be true*.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Saya sebenarnya diberitahu begitu.

Tuan Wong Hon Wai: Ya. *This cannot be true*.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: *So, that was the guideline that was given to me and I just follow...*

Tuan Wong Hon Wai: *So, I think, please revisit...*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: *We will revisit that*.

Tuan Wong Hon Wai: *Please revisit this area because you have up to 15 pemegang amanah*.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Okey.

Tuan Wong Hon Wai: Dalam objek itu tidak *mention* tentang kaum. So, saya minta supaya *revisit this area* untuk *have greater representation*. Itu permintaan saya.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Okey. Dan juga Timbalan, dia punya Timbalan dia juga ya.

Tuan Pengerusi: Timbalan Pengerusi.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Timbalan dia, okey.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Tuan Pengerusi, boleh tidak? Berkaitan dengan soalan daripada Timbalan Pengerusi tadi, ada disebut, Yang Berhormat Menteri, iaitu persoalan akauntabiliti itu agak samar. Maksudnya dia merupakan syarikat yang tidak bertanggungjawab terus kepada Yayasan dan seolah-olah terdapat *conflict of interest* iaitu Menteri yang menjaga DBKL dan juga Menteri yang menjaga syarikat. Setakat ini, kaedah dia daftar bawah syarikat. Kalau Yang Berhormat Menteri hendak bandingkan dengan GLC, maksudnya dia masih tertakluk kepada kerajaan dan sebarang— sebagai contoh, Audit boleh masuk untuk meneliti sebab ia tertakluk dengan kerajaan.

Cuma sekarang ini kalau dilihat, saya nampak seolah-olah syarikat. Kalau dibandingkan— saya agak arif dalam soal YaPEIM, sebagai contoh. Punca wujudnya Yayasan tersebut apabila disebut dalam Parlimen, maka ada punca kuasa untuk diwujudkan Yayasan tersebut dan Yayasan itu memang sebenarnya ada akses dengan kerajaan. Cuma, sekarang ini seolah-olah *link* itu tidak wujud dan syarikat yang tidak diberikan geran tetapi diberikan hasil tanah dan sebagainya yang mana mungkin nanti kalau yang dinyatakan di luar sana— cuma, bagaimana kalau tanah yang diserahkan kepada Yayasan, sekiranya ada, sedangkan akauntabiliti itu mungkin samar? Sebab, punca kuasa daripada kerajaan itu tidak wujud.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Saya hendak jelaskan di sini bahawa sebenarnya Yayasan Wilayah tidak ada diberi tanahlah melainkan dengan mengikut prosedur-prosedur yang sedia diguna pakai untuk semua syarikat-syarikat yang lain. Sebagai contoh, bagi tanah DBKL yang mana yang telah menjadi milik Yayasan Wilayah, ia telah dibeli melalui proses tender dan dibeli dengan harga melebihi harga pasaran. Itu yang milik tanah DBKL ya.

Daripada tanah kerajaan, ia telah memohon dan telah diberikan tanah melalui proses yang biasa dengan pembayaran premiumlah. Dalam keputusan untuk memberikan tanah itu, Menteri Wilayah tidak terlibat kerana Exco Tanah, Menteri Wilayah bukan merupakan anggota kepada Exco Tanah. Datuk Bandar dia duduk dalam Exco Tanah tetapi kita sudah *check* yang dalam kes-kes yang sebelum inilah, bila tanah itu dimohon oleh Yayasan Wilayah, maka Datuk Bandar telah mengisytiharkan— bukan Datuk Bandar yang ini ya. Ini semua kes tahun 2012, 2013 dan sebagainya. Mereka telah mengisytiharkan *interest* dan tidak terlibat dalam membuat keputusan itulah.

Banyak syarikat-syarikat sendirian berhad mendapat tanah kerajaan dan membayar premium. So, ia bukan merupakan satu kelebihan yang diberikan kepada Yayasan Wilayah. Namun demikian, yang isu Yayasan Wilayah ini tidak ada di bawah mana-mana kementerian ataupun agensi adalah satu fakta yang kita akui daripada awallah. *That is the nature of its*

involvement or its existence tetapi kita bersedia untuk diaudit ataupun disiasat oleh mana-mana pihak termasuklah kalau hendak Jabatan Audit Negara. Walaupun tidak ada keperluan tetapi kalau itulah yang difikirkan perlu, maka ia boleh dilakukan. Kita tidak ada bantahan.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Okey. Soalan susulan yang mana saya rasa— sikit sahaja. Saya memang menyambut baik hasrat Yang Berhormat Menteri, yang mana pandangan yang saya boleh berikan inilah peluang kepada Yang Berhormat Menteri untuk mereformasikanlah keadaan sekarang ini. Kalau syarikat memang menjalankan ataupun menguruskan harta dan sebagainya, kalau perlu diwujudkan syarikat, ia syarikat.

■1200

Akan tetapi, sekarang ini seolah-olah mengelirukan bila diberi nama yayasan. Kalau yayasan itu patut gunakan CSR, maka sewajarnya hanya fokus kepada CSR. Kita tidak mahu atas alasan CSR— memang pertimbangan itu akan nampak sebab syarikat atau yayasan ini menguruskan soal kebajikan, soal membantu orang-orang yang memerlukan. Jadi, seolah-olah memberi kelebihan kepada yayasan ini untuk diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Jadi, pandangan saya, kalau Yang Berhormat Menteri mengambil kira perlu adanya anak-anak syarikat di bawah Kementerian Wilayah untuk menguruskan sesetengah isu, ini mungkin perkara yang boleh dicari jalan untuk diperbaiki supaya kita tidak menggunakan alasan ini sebab benda itu sudah wujud sejak tahun 1986, sejak saya lahir lagi, tetapi tidak— maksudnya...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Tidak pernah dipersoalkan.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Ya. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh persoalkan dan kalau perlu ada penambahbaikan, kalau Yayasan ini tidak boleh menjalankan aktiviti perniagaan ataupun aset-aset ini, kita asingkan supaya tidak timbul isu *conflict of interest*.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Daripada segi sumber kewangan, memang ia terbuka kepada sumber perniagaan. Akan tetapi, daripada segi perbelanjaan, ia memang dikhususkan. *You cannot spend except for welfare* punya aktiviti dan memang itu ada dinyatakan dalam M&A. Akan tetapi, daripada segi sumber pendapatannya, memang daripada asalnya ia dapat daripada sumbangan. Yayasan Wilayah ini dia ada status untuk mendapatkan sumbangan dan diberikan *tax exemption status* tetapi benda ini saya rasa telah tidak begitu berjaya.

Saya difahamkan bahawa kegiatan perniagaan Yayasan Wilayah Persekutuan hanya bermula pada tahun 2011, pada zaman Raja Nong Chik, atas sebab tidak ada duit. So, cara hendak dapatkan duit ialah dia terlibat dalam projek-projek dan sebagainya yang tidak dihalang dalam M&A. Kalau kita hendak kembali kepada dasar yang asal, maka Yayasan Wilayah dia kena *exist on grants, on contribution* sedangkan matlamat awal ialah untuk tidak membebankan

kerajaan. Ini kerana kalau kita hendak *ask for grants, the government will say, "Oh, kita sudah ada Kementerian Wanita, Jabatan Kebajikan dan sebagainya, so just use those", which we do also.*

Kadangkala dalam wilayah ini memang mereka ada program-programnya. Akan tetapi ini bertujuan untuk menentukan bahawa perniagaan yang perlu dilakukan di Wilayah Persekutuan, termasuklah pada ketika itu soal pembangunan, apalah salahnya Yayasan Wilayah terlibat, yang mana dengan itu, sebahagian daripada keuntungan itu datang kepada Yayasan Wilayah yang akan digunakan untuk kebajikan. Ianya tidak diberikan apa-apa kelebihan— seperti mana saya sebutkan tadi, tidak ada mana-mana projek *will just be given*, walaupun dulu ada tetapi selepas itu kita akan mengamalkan dasar tender terbuka dan sebagainya.

So, apa jua kegiatan yang Yayasan Wilayah ingin terlibat, daripada kegiatan-kegiatan yang ingin dilakukan oleh DBKL ataupun Kementerian Wilayah, sebagai contoh, Yayasan Wilayah Persekutuan kena masuk sebagai satu pembida untuk mendapatkan projek berkenaan. Ini adalah bertujuan supaya kerja-kerja yang dilakukan oleh DBKL, sebagai contoh parkir kenderaan diswastakan seperti mana juga di Selangor, dapat kepada syarikat macam Yayasan Wilayah yang mana keuntungan yang diperolehi kembali dalam bentuk kebajikan.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Okey, yang *last* sekali. Sebab Yang Berhormat Menteri sebut— sedikit sahajalah. Fasal audit tadi, kalau boleh dijadikan sebagai perkara yang kekal. Sebagai contoh, di peringkat M&A itu sendiri, kita edit, tambah klausa supaya diizinkan supaya Jabatan Audit Negara untuk menyemak ataupun masuk untuk buat audit. Maka perkara itu akan menunjukkan kita lebih telus dan terbuka.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Boleh dan saya hendak jelaskan juga satu perkara. Sebenarnya kementerian tidak dibenarkan untuk membentuk syarikat. Itu satu perkaralah. Maknanya kalau Yayasan ini pun kalau kita hendak masukkan dia di bawah kementerian, seperti mana Yayasan Kemiskinan Bandar yang ada di bawah Kementerian Wanita dan sebagainya, memang ia akan memerlukan satu rombakan daripada segi M&A dan yayasan itu tidak boleh terlibat dalam perniagaan dan ia akan bergantung sepenuhnya kepada geran. So, itu masalah. Mungkin ia dilihat sebagai masalah. Itu sebabnya ditubuhkan— abang saya tubuhkan Yayasan Wilayah Persekutuan... *[Ketawa]* Akan tetapi dia tidak gunakan 10 tahun. Dia sudah buka, selepas itu dia tidak tahu apa hendak buat. Saya ambil alih, nampak sudah macam-macam dibuat, saya teruskan mana yang saya rasa wajar.

Tuan Wong Chen: Baik, saya ada soalan. Soalan saya macam ini. Apa Yang Berhormat Johor Bahru cakap itu memang betul. *So, we are very happy to hear that your personal position*

is to open up for Audit lah. Betul? *Can I know now, how much asset do you have currently? Are you holding like RM50 million, RM100 million, RM200 million?*

Number two, because you are Yayasan, you are supposed to take this money that you make profit to help the poor or whatever, right? For every one ringgit you get, how much do you spent on the Yayasan to help people? Are you spending 30 cent, 40 cent, 50 cent, 60 cent per every one ringgit of profit? I understand also you run like a business. You kena save to buy more land in the future. Betul atau tidak? Ya, okey.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: *I ask my CEO to explain.*

Encik Zaizalnizam bin Zainun: Untuk makluman mesyuarat, harta aset Yayasan pada tahun 2018 adalah berjumlah RM35.8 juta dengan harta semasa sebanyak RM33.1 juta, dengan liabiliti semasa sebanyak RM42.6 juta. Untuk perbelanjaan program sahaja, Yayasan Wilayah Persekutuan telah membelanjakan untuk tahun 2018 adalah sebanyak RM20 juta, juga merupakan perbelanjaan keseluruhan bagi Yayasan Wilayah Persekutuan termasuk dengan perbelanjaan operasi adalah sebanyak RM17.32 juta.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Operasi berapa? Khas untuk perbelanjaan operasi.

Encik Zaizalnizam bin Zainun: Untuk perbelanjaan operasi keseluruhan adalah RM17.325 juta.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Itu termasuk dengan sumbangan, bukan?

Encik Zaizalnizam bin Zainun: Termasuk sekali dengan sumbangan, penyelenggaraan, pembayaran pentadbiran dan juga sewaan dan komisen.

Tuan Pengerusi: RM20 juta itu tadi untuk apa? RM20 juta tadi.

Encik Zaizalnizam bin Zainun: Untuk program sahaja.

Tuan Pengerusi: Oh, program. Jadinya, program RM20 juta, operasi RM17.35 juta.

Tuan Wong Chen: Dengan nombor-nombor yang diberikan itu, nampak syarikat ini *is not sustainable*. [Ketawa] *I mean, very clear. You got RM40 million asset, you got RM42 million debt. I do not know.* Betul atau tidak? Dia ada RM70 juta aset lebih.

Tuan Pengerusi: RM35.8 juta aset tetapi liabiliti RM42.6 juta. Liabiliti ini dalam bentuk apa?

Encik Zaizalnizam bin Zainun: Kita ada pembiayaan untuk penjualan rumah PPR.

Tuan Pengerusi: Oh, okey.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Dia ini ada anak syarikat perumahan yang mana *that one actually* dibayar oleh orang yang beli rumah itulah tetapi *in the book, it will appears as a liability* to Yayasan Wilayah Persekutuan. Sebenarnya Yayasan Wilayah Persekutuan itu, hutang-hutang itu bukan dia yang bayar tetapi orang yang beli rumah itu bayar. *So, it is satu*

fasiliti untuk memudahkan orang yang susah untuk mendapat *bank loan* untuk membeli rumah. So, ia diklasifikasikan sebagai kerja kebajikan jugalah.

Tuan Pengerusi: Berapa *interest* itu?

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: *As per the bank* lah.

Encik Zaizalnizam bin Zainun: Kita 6.5 percent.

Tuan Pengerusi: 6.5 percent.

Tuan Wong Chen: *If that is the case, if that is the liability recorded as a debt going from the people yang beli rumah ini, then their houses that they are trying to buy is an asset in your company. Correct?*

■1210

Encik Zaizalnizam bin Zainun: Ya, ya.

Tuan Wong Chen: *It is still not sustainable. This model. And if you are spending RM20 million in a year, I don't see there is any more money for next year. This is the problem. And your operational RM17 million, that is a lot.*

Encik Zaizalnizam bin Zainun: *RM17 million* itu termasuk sekali dengan sewaan dan juga pembayaran yang kita buat kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Pembayaran-pembayaran sewa yang dikenakan oleh Dewan Bandaraya termasuk untuk program-program yang akan datang. Pendapatan kita melalui *income JV arrangement* ataupun pembangunan hartanah yang sedia ada dengan Yayasan Wilayah Persekutuan. Kita memperoleh pendapatan daripada JV melalui proses yang telah kita putuskan dalam JVA.

Tuan Wong Kah Woh: *How many staff that you have?*

Encik Zaizalnizam bin Zainun: Kita ada 50 orang kakitangan.

Tuan Wong Kah Woh: 50 orang kakitangan?

Encik Zaizalnizam bin Zainun: 50 orang kakitangan.

Tuan Wong Kah Woh: *And the operational expenditure is RM17 million.*

Encik Zaizalnizam bin Zainun: Untuk kakitangan sahaja RM3.4 juta.

Tuan Wong Kah Woh: *Sorry?*

Encik Zaizalnizam bin Zainun: Untuk kakitangan sahaja, kos kakitangan adalah RM3.4 juta.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Dia yang RM17.35 juta itu, saya rasa dia kena buat pecahanlah fasal *there is— actually the...*

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Zaizalnizam bin Zainun: Bayaran kepada sewaan DBKL dan sebagainya.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Ya, bayaran sewaan dan sebagainya. Aset yang RM35 juta ini apa dia?

Encik Zaizalnizam bin Zainun: Kita ada bangunan kita, bangunan di Yayasan Wilayah Persekutuan harga RM12 juta.

Tuan Pengerusi: Selain daripada bangunan, apa ada lagi?

Encik Zaizalnizam bin Zainun: Kita ada aset pejabat di beberapa bangunan. Di Wisma Central ada tiga aset bangunan dan satu lagi aset di Puchong, *three storey* di Puchong.

Tuan Pengerusi: Okey.

Tuan Wong Kah Woh: Okey, Tuan Pengerusi...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: *Can I request that we finish the presentation first?*

[Ketawa]

Tuan Pengerusi: Akan tetapi sebelum itu, saya hendak minta Audit komen dahulu.

Tuan Wong Chen: Audit, *anybody?* Jabatan audit, ada apa-apa komen?

Tuan Wong Kah Woh: *No, I think the key thing audit* adalah— *the key question now here is accountability* Yayasan Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Wong Kah Woh: *So, the accountability is in question.* So, tadi Yang Berhormat Menteri kata jika Audit hendak masuk, *so that it shows more transparent* pengurusan, pengurusan lebih *transparent*, so itu boleh. Akan tetapi secara teknikal, mungkin Audit boleh ulaskan. *Then, we move on from there.*

Tuan Wong Chen: Yang Berhormat Menteri arah, boleh buat. *As long as you have no objection.*

Tuan Pengerusi: Sekejap, sekejap. Saya minta Jabatan Audit untuk memberikan maklum balas mengenai perkara ini.

Puan Intan Noorashikin binti Nasarudin: Terima kasih Tuan Pengerusi. Untuk Jabatan Audit Negara, atau dengan lebih jelas lagi Ketua Audit Negara, untuk boleh memasuki akaun atau mengaudit Yayasan Wilayah Persekutuan sebagai syarikat, perlulah akaun tersebut adalah daripada *government*. Dana itu semua adalah daripada *government*. Akan tetapi, saya telah difahamkan oleh Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan, tiada dana daripada kerajaan tetapi duit itu datang daripada...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Sumbangan.

Puan Intan Noorashikin binti Nasarudin: ...Sumbangan oleh orang...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Puan Intan Noorashikin binti Nasarudin: Ya, oleh orang-orang lainlah kan. Jadi, pada pandangan awal saya, memang tidak boleh juga Jabatan Audit Negara untuk masuk di bawah kuasa seksyen 5(1) itu.

Tuan Wong Chen: Ya, *you have to invite them*.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: No. *They are saying they can't even if I invite.*

Tuan Wong Kah Woh: *They can't even accept it.*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Ia punya sumbernya adalah daripada syarikat-syarikat swasta yang ingin menyumbang dan dengan itu mendapat status *tax exemption* untuk kerja-kerja CSR nya. Itu satu. Saya rasa itulah amalan sebelum ini tetapi ia tidak *sustainable*. Maka pada zaman Raja Nong Chik, dia *expand*, fasal *the M&A allows for it, they expand into doing business*. *Business* yang dia buat adalah sebagai kontraktor ataupun sebagai *project manager* kah apa, *joint venture* dengan *developer* dan sebagainya. Itu untuk menambahkan pendapatannya.

Tuan Pengerusi: Sebenarnya, Yang Berhormat Menteri, apabila kita panggil Yayasan Wilayah Persekutuan ini sebab kita membuat keputusan sebelum ini untuk masuk audit kepada Yayasan Wilayah Persekutuan. Walau bagaimanapun, kita mendapat maklum balas daripada Audit mengatakan bahawa perkara ini tidak *possible*, tidak boleh dilaksanakan memandangkan Yayasan Wilayah Persekutuan itu tidak ada kena-mengena dengan kerajaan dan bukannya sumber pendapatannya adalah daripada kerajaan.

Oleh sebab itulah kita panggil prosiding pada hari ini untuk mendengar sendiri penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dan juga daripada Yayasan Wilayah Persekutuan untuk mengesahkan perkara tersebut. Walaupun, dalam waktu yang sama, Yang Berhormat Menteri Kewangan membolehkan kita untuk masuk tetapi Jabatan Audit mengatakan bahawa tidak boleh.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Saya boleh *give you a compromise*. PAC cadangkanlah *audit company* ya. Fasal kita punya *audit company*, kita boleh *appoint* siapa sahaja. Sekiranya pihak PAC merasa selesa bahawa lantik sesuatu *audit company* yang tertentu...

Tuan Pengerusi: Kalau *audit company*...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Kita boleh tentukan.

Tuan Pengerusi: Sebab laporan itu nanti kepada siapa? Siapa kita hendak bagi laporan tersebut, kan?

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Ia sebagai satu syarikat yang berdaftar, *audit report*-nya boleh diperoleh oleh mana-mana pihak. *You can go onto the online. All private companies audited accounts can be accessed but you just have to pay for it.*

Akan tetapi kalau sekiranya pihak PAC merasakan *you want us to be ultra-transparent, lantik a specific audit company which you are comfortable with, we can do that and the report can be given to you. It is not*— dia bukan rahsia negara kan.

Tuan Pengerusi: Kalau misalannya kita PAC *request* untuk audit tersebut, tidak payah belilah. Audit tersebut diberikan kepada kita. Adakah ia boleh dilakukan? [Ketawa]

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Ya, ya. Ia boleh dilakukan.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tuan Pengerusi, saya luar sikit. Akan tetapi, sehubungan dengan Yang Berhormat Menteri sebut tadi...
...

Tuan Pengerusi: Tidak apalah.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: ...Saya rasa, *it is not fair to me* untuk tanya Yang Berhormat Menteri sekarang ini sebab benda ini sudah ini.

Kalau kita tengok, Yayasan Wilayah Persekutuan ini dari segi fungsinya, dari segi peranan dia itu tidak ada beza dengan yayasan di negeri-negeri lain, misalnya Yayasan Selangor, Yayasan Kelantan yang mana ditubuhkan di bawah enakmen negeri. Akan tetapi, saya punya persoalan, kenapa Yayasan Wilayah Persekutuan ini ditubuhkan di bawah *Company Act limited by guarantee*? Itu yang menyebabkan itu. Jadi soalan saya, adakah Yang Berhormat Menteri sekarang ini berhasrat untuk membetulkan ataupun...
...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: *The reason* kenapa Yayasan Wilayah Persekutuan tidak menjadi satu yayasan ditubuhkan di bawah kementerian ialah untuk membenarkannya berniaga. Kalau yayasan ini di bawah kementerian, maka dia tidak boleh berniaga dan dia punya duit hanya daripada geran ataupun sumbangan. *That was...*

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Sekejap, Yang Berhormat Menteri. Macam Yayasan Selangor apa semua kan, ia boleh berniaga. Boleh berniaga.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Ia tidak berniaga. Yayasan Selangor, ia tidak berniaga.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri, sebab dalam Perakuan Perbadanan Syarikat Awam ini— bagus juga tadi ada perbincangan sikit— bahawa syarikat ini adalah sebuah syarikat berhad menurut jaminan. Jaminan *by* siapa?

Dato' Takiyuddin bin Hassan: *Limited by guarantee. It is not limited by shares.*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Maknanya ia tidak ada saham.

Tuan Pengerusi: *Guarantee* maknanya?

Dato' Takiyuddin bin Hassan: *Limited by guarantee, no shareholder* lah.

Tuan Pengerusi: *No shareholder?*

Dato' Takiyuddin bin Hassan: *Under Company Act, there are two types of limited— by guarantee and by shares.*

Tuan Pengerusi: *Ini ia punya...*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: *Siapa yang guarantee?*

Tuan Pengerusi: *Ya.*

Seorang Ahli: *Board.*

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Wong Chen: *Okey, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Now we are stuck in the technical legal issue. What is your opinion, Yang Berhormat Menteri, that this company, this yayasan that is clearly has no firm accountable structure to let your business, stop doing business, finish all that money and then form a new body later that is fully accountable? Do you agree from today onwards? We are going to make a recommendation, the PAC. That going forward, no more business, habis semua tanah, habis semua itu, close shop, set a new one that is fully accountable.*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: *I have...*

Tuan Wong Chen: *Do you agree to that?*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: *I have to consider that but I have to bear in mind that I have got 50 staffs who are being paid currently which if you want to come out with the new business model that can guarantee that they will have the continuity in employment, then it will be okay. I would prefer to increase the transparency and the accountability while allowing Yayasan Wilayah Persekutuan to partake in business operations.*

■1220

Because, kita tak nak membebankan semua kepada kerajaan. So, that was the whole idea. I believe that was the whole idea.

Tuan Wong Chen: *No, no. I agree, we can do this concurrently. Maknanya katakan kita tutup 31st December, 1st January you start again. You basically vest all your people across to the new body.*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: *If a new body is still something like a body which is under the ministry, then you get back to square one.*

Tuan Wong Chen: *No, no. I know. But what I am saying is you run this ministry, right? So, you bawa your consultant, device a better reporting system. If the reporting system cannot be repaired, then you have to close the old one and vest all the powers across to the new one. The new body should be more accountable. That's what I am saying, because you have a very grey area, where you are Menteri, you also the Chairman of this board but the board really is*

doing business. We don't know what exactly it is. So, we don't want the repeat of the old mistakes.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] ...Can be sued.*

Encik Zulhazmi bin Shariff [Pegawai Tugas-tugas Khas II Menteri Wilayah Persekutuan]: Tuan Pengerusi PAC dan ahli-ahli mesyuarat, saya Zulhazmi bin Shariff, Pegawai Tugas-tugas Yang Berhormat Menteri Wilayah.

Kalau boleh saya hendak mungkin dapatkan penjelasan daripada PAC ataupun AGC di belakang dan semua di sini. Memandangkan isu audit tadi, Jabatan Audit tak boleh nak audit Yayasan dan daripada awal kita maklumkan kepada PAC bahawa Yayasan Wilayah Persekutuan adalah bukan agensi kerajaan. Duit, bukan duit kerajaan. Jadi kalau Jabatan Audit pun tak boleh nak audit, jadi saya rasa punca kuasa PAC pun, untuk PAC tanya Yayasan pun saya rasa macam mungkin— saya tak tahulah macam mana.

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] The authority.*

Encik Zulhazmi bin Shariff: Yes, punca kuasa untuk menyiasat Yayasan sebab *Public Account Committee*, untuk— saya tak tahu sama ada boleh atau tidak. Persoalan sayalah. Sebab Jabatan Audit pun tak boleh nak audit. *[Ketawa]*

Tuan Wong Chen: *That is the problem.*

Encik Zulhazmi bin Shariff: Itulah saya kata. Kalau PAC pun...

Tuan Wong Chen: *You are telling me— my friend, you are telling me, we have no right to ask the Minister question? This is ridiculous.*

Encik Zulhazmi bin Shariff: *No, no. Saya tanya...*

Tuan Wong Chen: *This kind of attitude, you salah. The whole point is somehow or rather, when this body was started, money was pumped in. Betul? In 1986. Tak akan you tiba-tiba duit dari langit turun.*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: *It was a grant, ya.*

Tuan Wong Chen: *We give you land, we give you money. You turned it into business later, whatever. Right? But it was ultimately responsible to Parliament.*

Tuan Pengerusi: Duit geran ada, tapi tanah tak ada.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Dia *start business* ini baru tahun 2011 sepertimana yang saya sebutkan. *But originally* mungkin bila dia nak *start* dulu dia diberi geran, itu *you* kena tanya merekalah. Duit yang geran yang dapat itu pun sudah habis. Dah tak ada...

Tuan Pengerusi: Mungkin adalah, mungkin.

Datuk Hajah Rosida binti Jaafar: Kementerian memang tak boleh bagi geran.

Tuan Pengerusi: Sekarang tak ada. Tak ada agihan geran semua, tak ada lah lagi?

Datuk Hajah Rosida binti Jaafar: Peraturannya memang kita tak boleh bagi duit dekat dia.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: So, bila mula-mula dibentuk dulu, Yang Berhormat, dia kata *the subscribers*. *Who are the subscribers to this yayasan* kalau tidak kerajaan?

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: *I'll ask my brother when I see him tapi for the time being...* [Disampuk] Malam ini tak jumpa. Jumpa dia dekat Tanjong Piai. [Ketawa] Saya nak baca ya.

Yayasan Wilayah Persekutuan, penubuhan bawah Akta Syarikat 1965. Yayasan Selangor, Akta Syarikat 1965 juga. Yayasan Melaka, Enakmen Yayasan Melaka 1984. Yayasan Pelajaran Johor, Enakmen Johor *Bill* 1982.

So, it seems that Yayasan Selangor was also under Akta Syarikat ya. Dia bukan di bawah Enakmen Yayasan Negeri. Status dia, entiti syarikat berhad menurut jaminan tanpa modal saham bagi Yayasan Wilayah. Sama juga untuk Yayasan Selangor. Untuk Yayasan Melaka, badan berkanun negeri. Untuk Yayasan Pelajaran Johor, badan berkanun negeri. So, tarikh penubuhan Yayasan Wilayah tahun 1986 dan Yayasan Selangor tahun 1970. Pengerusi bagi Yayasan Wilayah ialah Menteri Wilayah dan untuk Yayasan Selangor ialah Menteri Besar. Bilangan Ahli Lembaga Pemegang Amanah lapan, Selangor lima.

Ada Yayasan Islam Kedah, Enakmen Kedah. Yayasan Terengganu, Enakmen Terengganu. Yayasan Islam Perlis, Enakmen Perlis. Yayasan Negeri Sembilan, Enakmen Negeri Sembilan. Yayasan Sabah, Enakmen Yayasan Sabah. Yayasan Sarawak, Ordinan Yayasan Sarawak. Yayasan Islam Kelantan, Enakmen Kelantan. Yayasan Pahang, Enakmen Negeri Pahang. *Penang Future Foundation*, entitinya kerajaan negeri.

So, it would seem out of all the yayasan, Yayasan Wilayah Persekutuan dengan Yayasan Selangor, kedua-duanya sahaja yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat. So, I think what we will do, we will check how Yayasan Selangor handles the question of dia punya transparency and accountability untuk diguna pakai kepada Yayasan Wilayah juga.

Kelebihan adanya Yayasan Wilayah ini sepertimana yang saya sebut, kita tidak bergantung sepenuhnya kepada geran kerajaan. Sekarang ini memang dah tak dapat apa-apa geran. Apa yang kita telah lakukan secara *restructuring* untuk menangani masalah ini ialah Yayasan Wilayah dia tubuh syarikat di bawah dia yang mana syarikat inilah yang akan mengendalikan *businesses* tetapi Yayasan Wilayah sendiri, dia dah tak terlibat dalam...

Tuan Pengerusi: Ada berapa syarikat yang ditubuhkan bawah Yayasan?

Encik Zaizalnim bin Zainun: Hari ini kita ada tiga. Satu, Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan; kedua, Wilayah Media Sdn Bhd; dan satu lagi ialah YWP Capital Sdn Bhd.

SPWP adalah menguruskan pembiayaan rumah. Untuk Wilayah Media menguruskan media dan juga YWP Capital untuk menguruskan semua *business* lain di bawah Yayasan Wilayah Persekutuan.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Yang baharu tubuh?

Encik Zaizalnizam bin Zainun: YWP Capital Sdn Bhd.

Tuan Pengerusi: YWP Capital itu untuk apa *again*?

Encik Zaizalnizam bin Zainun: Untuk menguruskan semua *business* lain— *parking*, pengurusan *property* dan lain-lain juga.

Tuan Pengerusi: Okey, okey.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Akan tetapi, kita akan *check* dengan Yayasan Selangor *how it's done, because* dia bukan ditubuhkan di bawah enakmen, dia pun ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965. Apa yang disebut oleh saya punya Pegawai PTTK itu hanya sebagai satu kenyataan dari sudut *legality* tetapi kami di Yayasan Wilayah Persekutuan mengalukan siapa sahaja nak datang, nak *investigate* dan nak tanya tentang kegiatan-kegiatan yang kita lakukan.

Okay, but just for completion of the— can I just carry on with the presentation? It just take another two, three minutes.

Tuan Wong Kah Woh: *Sorry*, Tuan Pengerusi. Isu teknikal tadi berkenaan dengan *position* Yayasan Wilayah Persekutuan— *something just strikes my mind just now*— sama ada pihak Jabatan Audit Negara boleh masuk. *So, how do we link* Yayasan Wilayah Persekutuan kepada satu badan kerajaan ataupun *how do it link to the kerajaan is actually rest with the Minister.*

The Minister sits in Yayasan Wilayah Persekutuan selaku Pengerusi, *by virtue of him being the Minister.* *So, from there, boleh tak audit find some way to actually go in?* Yayasan Wilayah Persekutuan bukan satu *company* yang biasa. Pengerusinya *is no other than the Minister.*

Tuan Khalid bin Abd Samad: Boleh tak kita rujuk Yayasan Selangor dia buat macam mana? *Because* dia pun dah lama wujud dan sudah 10 tahun di bawah... *[Disampuk] The M&A says Minister is the...*

Tuan Pengerusi: Okey, apa pandangan daripada AGC?

Puan Norhasmiza binti Othman [Ketua Unit Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan dan Jawatankuasa Khas Negara, Jabatan Peguam Negara]: *Assalamualaikum* Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Sekiranya diizinkan, tadi pihak PUU daripada Jabatan Audit telah *explain* dan saya rasa memang peruntukan telah jelas. Cuma, sekarang ini dari segi *interpretation*, macam

mana kita nak masuk audit juga. Itulah, kalau memang tak ada cara, memang tidak boleh nak buatlah, Yang Berhormat.

Tuan Wong Kah Woh: *My point is, no one can actually say Yayasan Wilayah Persekutuan is not government related. It is chaired by the Minister. I think the Minister is on the same page...*

Tuan Pengerusi: Bukan dia sahaja. Dia dengan Datuk Bandar lagi.

Tuan Wong Kah Woh: *We have to move on. Kita kena move on untuk mencari jalan penyelesaian rather than to question whether we have the power to go in or not.*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Akan tetapi, Datuk Bandar punya pelantikan *is optional*. Yang Menteri itu *is by the M&A*. So, kalau Datuk Bandar, kalau tak silap saya, dia secara individu sebagai Datuk Bandar. Akan tetapi, boleh. Tidak semestinya dilantik.

Dia punya M&A ini, *the subscribers* hanya dua orang masa ia ditubuhkan iaitu Shahrir Abdul Samad...

Tuan Pengerusi: Menteri dan juga Datuk Bandar ketika itu.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: ...Dan Elyas bin Omar. Itu dua. Dua orang yang tubuhkan.

■1230

Tuan Pengerusi: Seorang pun sudah meninggal dunia. *[Ketawa]* Seorang pun telah meninggal dunia sudah.

Okey, sementara kita buat perbincangan ini...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Okey, boleh buat pembentangan, selesaikan.

Tuan Pengerusi: ...Saya minta Datuk Azmi teruskan, selesaikan dahulu.

Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain: Terima kasih Yang Berhormat. Pergi slaid 15. Berdasarkan kepada Artikel 5 *Memorandum and Articles of Association*, tiada sebahagian daripada pendapatan ataupun harta Yayasan Wilayah Persekutuan yang harus dibayar atau dipindahkan kepada ahli yang merupakan ahli lembaga pemegang amanah Yayasan Wilayah Persekutuan dari segi dividen, bonus, mahupun keuntungan. Sepertimana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, pengerusi dan juga ahli lembaga pemegang amanah tidak dibayar apa-apa bonus, gaji ataupun elaun.

Yayasan Wilayah Persekutuan tidak menerima apa-apa geran tahunan daripada mana-mana agensi kerajaan untuk tujuan pengoperasian.

Tuan Wong Kah Woh: *Okay, before that. Startup grant ada tidak daripada rekod? Startup masa tahun 1986. Ini penting, tahu? Can the CEO get back to our Secretariat? Ini penting. Startup grant sama ada dari segi in-kind atau in cash.*

Tuan Pengerusi: Mungkin...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*
...Tetapi dia tidak cakap daripada kewangan apa-apa...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Akan tetapi, Tan Sri Shahrir Samad *as a Minister, not as a person.*

Tuan Pengerusi: Jadinya, CEO nanti *check* balik mengenai adakah geran yang telah diterima dan maklumkan balik kepada Sekretariat.

Encik Zaizalnizam bin Zainun: Ya, saya. Baik.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan Pengerusi: *Plus interest.*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan Pengerusi: Teruskan.

Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain: Sumber kewangan diperoleh daripada sumbangan daripada pihak swasta dan juga aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh Yayasan Wilayah Persekutuan.

Next. Ini kita senaraikan pembelian tanah oleh Yayasan Wilayah Persekutuan daripada DBKL. Sebab yang ini daripada 97 transaksi itu, ada dua transaksi yang melibatkan Yayasan Wilayah Persekutuan. Pertamanya di Jalan Radin Tengah, satu lot yang berkeluasan 2.61 ekar. Harga yang dibeli oleh Yayasan ialah RM30.48 juta iaitu lebih tinggi daripada nilai JPPH. Nilai JPPH adalah RM24.27 juta. Tarikh pembelian ini berlaku pada 13 Oktober 2014 dan tanah tersebut telah dijual oleh Yayasan Wilayah Persekutuan.

Keduanya di Jalan Imbi, berkeluasan 0.52 ekar. Harga yang dibeli oleh Yayasan daripada DBKL berjumlah RM21.308 juta yang harga belian ini sama dengan harga nilai oleh JPPH dan berlaku pada 16 Ogos 2011.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Dia jual tanah itu bila?

Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain: Dijual kepada ini pada tiga bulan selepas daripada transaksi itu. Maksudnya untuk yang...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Dia memang dia *spin* lah. Dia beli, lepas itu dia jual.

Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain: Untuk yang pertama itu, dibeli dengan harga RM30.48 juta dan dijual dengan harga RM35 juta.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: *Transfer into YWP?* Lepas beli itu tiga bulan, *transfer...*

Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain: *Transfer.* Hak milik Yayasan tetapi dia jual. Kedua itu beli RM21 juta, jual RM30 juta.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Ini kena tanya Yang Berhormat Parit Sulong ini, apa yang mereka buat ini dahulu? *[Ketawa]*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Beli daripada DBKL RM30 juta bulan Oktober 2014. Tiga bulan kemudian dia jual dengan harga RM25 juta... *[Disampuk]* RM35 juta.

Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain: RM35 juta.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: So dia dapat untung RM5 juta *after three months.* Satu lagi itu pun RM21 juta pada bulan Ogos 2011, *three months after that,* dia jual pula dengan RM30 juta.

Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain: RM30 juta.

Tuan Pengerusi: Jual dengan siapa?

Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain: Dia jual kepada pihak syarikat. Untuk yang pertama itu dia jual kepada Pinnacle Homes SP Sdn Bhd dan untuk yang kedua itu kepada Lembaran Beruntung Sdn Bhd dengan harga...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: So, dia *flip* sahaja tanah itu. *That's all.* Tiga bulan lepas itu untung RM9 juta.

Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain: Dia beli itu dengan harga nilai JPPH.

Tuan Pengerusi: Ini memang Yayasan kerja beli jual tanahkah?

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: *[Ketawa]* Dahulu, dahulu.

Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain: Ini tanah daripada DBKL.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Akan tetapi dia beli *above market price.* *[Ketawa]*

Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain: Ini yang termasuk dalam 97 transaksi itulah. Berikutnya senarai pemberimilikan tanah daripada PTG. Ini Yayasan Wilayah Persekutuan memohon terus kepada PTG Kuala Lumpur. Ada 10 lot... *[Disampuk]* *State land.*

Pertamanya di Taman Tun Dr Ismail, Bukit Kiara berkeluasan 22.63 ekar, bilangan lot enam lot dengan harga premium RM60.8 juta.

Kedua, Desa Petaling, Salak Selatan, bilangan lot tujuh, keluasan 14.99 ekar, bayaran premium kepada PTG RM6.556 juta.

Ketiga, Jalan Peel, Cheras sebanyak dua lot berkeluasan 7.82 ekar dengan premium RM52.558 juta.

Keempat, Menara Vista Sentral, Brickfields, tiga lot berkeluasan 0.17 ekar dengan premium RM1.1 juta.

Kelima di Sungai Besi berkeluasan 2.28 ekar dengan bayaran premium RM9.24 juta.

Keenam, Jalan Syahbandar, Cheras, satu lot berkeluasan 5.5 ekar dengan bayaran premium RM64.307 juta.

Ketujuh, Kampung Patau-Patau, Labuan, dua lot berkeluasan 5.59 ekar dengan bayaran premium RM708,000.

Kelapan, Jalan Pahang, satu lot berkeluasan 0.54 ekar dengan bayaran premium RM3.27 juta.

Kesembilan, Air Panas, Setapak berkeluasan 7.66 ekar dengan bayaran premium RM23 juta.

Akhir sekali di Kovil Ulu, Sentul, dua lot berkeluasan 0.28 ekar dengan bayaran premium RM3,000.

Keseluruhannya melibatkan 27 permohonan dan juga pemberimilikan tanah daripada PTG Kuala Lumpur kepada Yayasan...

Tuan Pengerusi: Okey, Datuk Azmi, sekejap. Ini Timbalan Pengerusi hendak bertanya.

Tuan Wong Kah Woh: Okey. Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri dan Datuk Azmi. Berkenaan dengan isu pemberimilikan tanah daripada PTG Wilayah Persekutuan kepada Yayasan, soalan saya lebih menuju kepada *conflict of interest* sekiranya ada.

Tadi saya tertarik dengan kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri yang menyatakan bahawa Menteri tidak duduk sebagai seorang *exco* dalam pemberian tanah ini dan Datuk Bandar akan *recuse himself* sekiranya terdapat isu berkenaan dengan pemberian tanah kepada Yayasan Wilayah Persekutuan. Akan tetapi, sekiranya saya membaca Akta Kerajaan Tempatan yang menyatakan bahawa untuk Wilayah Persekutuan ini, *state authority would mean the* Menteri akan bermaksud Menteri Wilayah Persekutuan untuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sekiranya tidak silap. *Correct me if I am wrong. State authority mean the* Menteri dalam kes Wilayah.

Di bawah *National Land Code*, kesemua tanah yang tidak dimiliki atau dimiliki— *all lands belong to the government except those who are actually owned by people*. So, sekiranya di tanah-tanah yang milik Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, *power to give up lands is supposed*

to rest with the state authority which is Minister in this case. So, how would the situation come across where the Minister is not sitting as part of the exco? Itu yang saya hendak mendapatkan pencerahan. The Minister is a state authority. The state authority has a power to alienated land. But in this case, the Minister is not sitting in the exco. So, any explanation on that?

Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain: Pengerusi kepada Exco Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah KSN dan pernah pada suatu masa...

Tuan Wong Kah Woh: Apa? Jawatankuasa Exco Tanah?

Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain: Jawatankuasa Exco Tanah Wilayah Persekutuan pada masa ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara bermula daripada tahun 2013...

Tuan Wong Kah Woh: Tahun 2012?

Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain: Tahun 2013. Di antara tahun 2010 hingga 2012, Pengerusi Exco Tanah Wilayah Persekutuan dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri pada masa itu. Ini bergantung kepada Akta Fungsi-fungsi Menteri lah. Akan tetapi pada masa ini Pengerusi adalah KSN.

■1240

Tuan Wong Kah Woh: So, dengan itu, ia membangkitkan satu soalan lanjutan. Tahun 2010 hingga 2012, Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri dan Jawatankuasa itu memberikan tanah kepada Yayasan Wilayah Persekutuan yang mana pengerusinya adalah Yang Berhormat Menteri. *So, is there a conflict interest? I think yes.*

Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain: Dari segi proses itu, saya tidak pasti macam mana berlaku masa dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri itu.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: *The same problem occurs in Selangor where the MB sits...*

Tuan Wong Kah Woh: *Correct.*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: *...And what normally happen and— benda ini kita sebenarnya kita sudah check dengan AG. So, AG kata what you need to do is to recuse yourself, declare your interest and recuse yourself. So, this happen in many instances especially in the state macam PKNS, Menteri Besar is the Pengerusi.*

Tuan Wong Kah Woh: Ya, *we understand. Let's us comeback to Wilayah. So, dari rekod, untuk tanah-tanah yang diluluskan dari tahun 2010 sehingga 2012 yang mana Pengerusi Jawatankuasa Exco Tanah Wilayah pada masa itu adalah Yang Berhormat Menteri, sama ada beliau ada declare interest beliau di Yayasan Wilayah Persekutuan atau tidak?*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Saya difahamkan ada.

Tuan Wong Kah Woh: Difahamkan ada ya.

Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain: Cumanya, Yang Berhormat, kalau kita tengok kepada transaksi itu, semua bayar kepada premium, bukan *based* pada nominal lah.

Tuan Wong Kah Woh: *No, no, no. Premium or not premium is one thing. I have money doesn't mean that you will approve the land to me, brother. Correct or not? Premium or not premium is one thing. I am not saying that you are giving him at RM1, no.* Akan tetapi, kenapa *you* bagi kepada pihak A dan bukan pihak B?

Dato' Haji Che Roslan bin Che Daud [Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan]: Saya bagi input sikitlah.

Tuan Wong Kah Woh: Ya.

Dato' Haji Che Roslan bin Che Daud: Saya Che Roslan bin Che Daud daripada Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan.

Prosedur apabila permohonan pemberimilikan, pemberimilikan bukan daripada PTG ya. Yang beri milik ialah pihak berkuasa negeri, *state authority* ataupun dalam pengubahsuaian bagi Kuala Lumpur dinamakan sebagai Jawatankuasa Kerja Tanah.

Tuan Wong Kah Woh: Jawatankuasa Kerja Tanah?

Dato' Haji Che Roslan bin Che Daud: Ya, Wilayah Persekutuan ya. Okey, dalam konteks ini pun, beri milikan, apabila permohonan dibuat dan dibawa kepada lain-lain exco, Jawatankuasa Kerja Tanah (JKT), dia akan timbangkan. Kalau ada yang berkaitan— mungkin ada disebabkan dia Pengerusi Yayasan Wilayah Persekutuan— *normally* dia akan *declare*. Dia akan *declare*. Itu banyak di dalam *meeting Land Exco* dinyatakan dengan jelas bahawa dia ahli ataupun Pengerusi Yayasan Wilayah ataupun lain-lain jawatankuasa yang dia ada kepentingan dia, dia akan *declare* dan dia akan tinggalkan mesyuarat ataupun dia diam sahaja. Dia diam sahaja. Yang lain akan buat keputusan untuk menentukan boleh atau tidak boleh.

Dalam untuk menentukan pemberimilikan kepada sesiapa, dia bergantung kepada Kanun Tanah Negara. Kalau individu, mesti orang dewasa, dalam dia punya ini. Kalau syarikat-syarikat, dia ada kriteria-kriteria untuk menentukan kelayakan syarikat ataupun individu yang hendak diberi milik kepada dia tanah tersebut. Apa yang pentingnya, memang *declare* dan ada tercatat dalam minit Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan.

Tuan Wong Kah Woh: So, Dato'...

Dato' Haji Che Roslan bin Che Daud: Setakat yang saya ada...

Tuan Wong Kah Woh: ...Kesemua ini ada *declare* lah?

Dato' Haji Che Roslan bin Che Daud: Ya.

Tuan Wong Kah Woh: Daripada rekod?

Dato' Haji Che Roslan bin Che Daud: Setakat yang saya ada, memang dia *declare* kalau ada dia terlibatlah.

Tuan Wong Kah Woh: Okey. *So, the key thing is declaration of interest.*

Dato' Haji Che Roslan bin Che Daud: Ya.

Tuan Wong Kah Woh: Itu nombor satu. Okey, *sorry*, Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan tahun 2013 *onwards* dipengerusikan oleh KSN, di manakah punca kuasa dia? *It supposed to be* dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri. Ya, *I agree that it should be chaired by the* Yang Berhormat Menteri, *not the KSN.* So, mana punca kuasa dia?

Puan Zawiyah binti Saad: Akta Fungsi-fungsi Menteri dan Kanun Tanah Negara.

Tuan Wong Kah Woh: Akta Fungsi-fungsi Menteri.

Puan Zawiyah binti Saad: Ya. Perintah Fungsi-fungsi Menteri dan Kanun Tanah Negara. Berkenaan tanah, Jawatankuasa Kerja Tanah itu adalah di bawah Kanun Tanah Negaralah.

Tuan Wong Kah Woh: *No, no.* Dia diturunkan kuasa oleh Menteri kah apa?

Puan Zawiyah binti Saad: Penurunan kuasa oleh Perdana Menteriilah kepada— di bawah Perintah-perintah Fungsi Menteri tersebut.

Tuan Wong Kah Woh: Kepada KSN?

Puan Zawiyah binti Saad: Ya.

Tuan Wong Kah Woh: Kabinet kepada KSN. Okey, *clear.*

Tuan Pengerusi: Okey, Datuk Azmi...

Dato' Haji Che Roslan bin Che Daud: Saya hendak bagi input sikitlah untuk ini, tambah sikit daripada tadi.

Tuan Pengerusi: Okey.

Dato' Haji Che Roslan bin Che Daud: Dia punya *Chairman* ataupun Pengerusi Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan ini dia berubah-ubah ikut Akta Fungsi-fungsi Menteri. Kalau pada masa itu dinyatakan di dalam Akta Fungsi-fungsi Menteri, PTG di bawah Kementerian Wilayah, masa itu *Chairman* dia Menteri Wilayah. Pada masa ini— ini yang *confuse* itu, fasal PTG ini berubah-ubah diletakkan. Sekejap sekali di bawah JPM. Kalau di bawah JPM, mestilah KSN. Kalau bawah Kementerian Wilayah, maka Menteri Wilayah. Ini berubah-ubah bergantung kepada Akta Fungsi-fungsi Menteri. Itu sahaja. Dalam KTN disebut tadi, pihak berkuasa itu memang jelas dia ada peraturan-peraturan dia.

Tuan Pengerusi: Okey, Datuk Azmi.

Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain: Terima kasih Tuan Pengerusi. So, yang kita bercakap berkenaan dengan fungsi yang mana yang saya akan bentang ini ialah perkara yang telah kita bincangkan...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Sebelum itu ya. Balik tadi. *You see the value there is RM221 million* ya. Tadi saya tanya juga kepada CEO, macam mana kalau nilai tanah sampai RM221 juta tetapi aset hanya RM30 juta. So, dia orang kata benda ini fasal benda ini di bawah *work in progress (WIP)*. Maka oleh sebab itu, ia tidak diambil kira sebagai aset. *[Disampuk] Work in progress. So, I don't know. That the accounting* punya itu.

Tuan Wong Kah Woh: Okey, okey.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: So, itu mungkinlah menjawab persoalan *sustainability* dan *viability of the organization* lah. Okey.

Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain: Okey. Apa yang saya bentangkan ini perkara yang telah kita bincang tadi iaitu berkenaan dengan fungsi adalah membantu meningkatkan taraf kehidupan warga Wilayah Persekutuan yang berpendapatan rendah yang memerlukan dalam pelajaran, kebajikan dan sosial serta ekonomi penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan juga Putrajaya.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain: *Next.* Peranan dan tanggungjawab iaitu:

- (i) menyediakan bantuan pelajaran kepada pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta;
- (ii) memberi bantuan persekolahan dan lain-lain bantuan kepada murid serta pelajar sekolah rendah dan menengah;
- (iii) menganjur atau membiayai program-program pembangunan, pendidikan bagi kumpulan sasar tertentu dalam meningkatkan keupayaan dan kemahiran;
- (iv) membantu golongan yang memerlukan seperti bantuan bencana alam, kebajikan dan juga pembangunan rohani;
- (v) membantu golongan usahawan dan juga penjaja kecil daripada aspek latihan dan juga penggunaan teknologi;
- (vi) membantu dalam pembelian rumah kos rendah khususnya Program Perumahan Rakyat (PPR) dan juga Perumahan Awam DBKL; dan
- (vii) melibatkan diri dalam projek pembangunan perniagaan serta pelaburan untuk menjana pendapatan bagi mencapai objektif Yayasan Wilayah Persekutuan.

Secara ringkasnya, perkhidmatan kepada rakyat Wilayah Persekutuan ini dapat disimpulkan sebagai PESAT iaitu pendidikan, ekonomi, sosial, agama dan juga teknologi. Terima kasih.

Tuan Wong Kah Woh: Okey, satu soalan spesifik, Yang Berhormat Menteri. Kita sedia maklumlah berkenaan dengan isu yang berbangkit beberapa bulan lepas iaitu Taman Tun Dr. Ismail, Bukit Kiara yang mana kita nampak ada bantahan dan sebagainya.

Okey, soalan saya adalah dari segi *conflict of interest* juga. Apabila Yayasan Wilayah Persekutuan selaku *land owner* memasuki *JV agreement, joint venture agreement* dengan pemaju, *land owner* Yayasan, pemaju adalah pemaju siapa-siapa.

So, at the end of the day, the pemaju dia kena mendapatkan development order dan any other approval daripada DBKL. Yayasan Wilayah Persekutuan with two very important figures sitting inside, that is Yang Berhormat Menteri and also Datuk Bandar who will be eventually deciding on whether to approve or not approve the development, so how would we address the issue of conflict of interest here?

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: *Dia same situation. The Datuk Bandar, not this Datuk Bandar lah, the previous Datuk Bandar, and I did check the minutes, dia declare his interest and recuse himself. And the development order was not signed by the Datuk Bandar lah. Memang it signed by the Pengarah Perancangan Bandar di DBKL lah.*

Our problem is that when we took over, everything was signed, okay. What was signed actually was for a very big development yang included in it was the question of providing for free 200 units of houses— sorry, 100 units of houses for the long house residents and another 100 units at 50 percent discount to the second generation.

■1250

So, dia punya development order semua sudah signed dan diluluskan dan ia dibiayai oleh pihak pemaju itu dengan membina lapan blok kondominium harga bebas. From the profits that the developer made from that, they use it to subsidize for the affordable homes that is going to be given for free and at 50 percent market price.

So, that was all signed, all already agreed. It was brought to court by the residents and when we took over, it was already waiting for the case to be brought to court. The court judged that everything was okay. The development order is legitimate, it is legal and the developer can proceed. At which point, the residents made an appeal. So, now it is pending appeal.

But in the meantime, trying to resolve the issue, we negotiated with the developer because he is our joint venture partner and said that although you already have the development order, can we scale the project down? So, from the 12 acres that was given or which Yayasan Wilayah

owns, we return back to the government four acres to be used for the park. That mean daripada 12 ekar itu sudah jadi lapan ekar. Lapan ekar itu termasuk empat ekar on which the long houses are already there. So, it is only an additional four acres.

We scale down the project daripada lapan blok, kita jadikan empat blok. Maknanya daripada segi dia punya density dan sebagainya, it was reduced by 50 percent. The developer was agreeable at no extra cost to us. Dia kalau ikut undang-undang, kalau kita tukar DO ini pun, developer boleh tuntutan ganti rugi. Kalau kita kurangkan dia punya development dan sebagainya. Akan tetapi oleh kerana ia bertujuan untuk dilakukan secara amicable, maka developer bersetuju. Okey, no extra cost, reduce the development by half, return back four acres to the park. We thought that with that, kita boleh selesaikan masalah.

Hanya masalahnya penduduk di situ masih membantahnya dan mereka mahukan pembangunan dilakukan hanya atas— *their compromise* lah. *The original punya is that, no compromise, no development. Akan tetapi their compromise is that, only on the four acres land on which the long houses are there. Penduduk rumah panjang tidak setuju because they will have to be move out dan mereka tidak hendak dipindahkan. Fasal mereka kata ada banyak kes yang dipindahkan, selepas itu projek terbengkalai dan sebagainya dan mereka sangkut. Dalam perjanjian bersama dengan penduduk rumah panjang, the developer had already given the commitment that they will not be move out. So, inilah perkara-perkara yang merumitkan.*

Akan tetapi, penyelesaian yang kita cadangkan, ia tidak menjejaskan sama sekali kawasan taman itu. *What we are taking is the four acres which is the long houses and then another four acres is the car park. Fasal di situ dia ada satu kawasan car park yang agak besar. So, four acres from the car park plus four acres of the long houses. So, we will build the first unit on the car park area, and then kita pindahkan yang the long houses residents and all that, then kita— that was our penyelesaian lah.*

Tuan Wong Kah Woh: Ya, ya. *Thanks for the explanation, Yang Berhormat Menteri. Cuma, I think on the issue of conflict of interest, a lot of time apabila kita bincang berkenaan dengan Yayasan Wilayah ini, although perhaps your good self and Datuk Bandar recuse yourself from the meeting, not making any decision, leave it to the officers to evaluate, but practically, when the land owner is Yayasan Wilayah Persekutuan, I think it is understandable that a lot of times, this fact will have some bearing on the decision. So, that is the point that I would like to make just for record for PAC. Itu sahaja. Thank you.*

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih banyak saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Kalau tidak ada, *last* daripada saya. Saya ingin mengingatkan kepada semua pihak bahawa apabila kita memanggil mana-mana Menteri, Timbalan Menteri, *even* KSN, KSU, mantan Ketua Audit Negara, dua orang Ketua Audit Negara yang telah kita panggil, ia tidak menggambarkan yang kami panggil itu telah melakukan kesalahan.

Keduanya, kami menjalankan tugas. Sebab, sebagai contoh, Audit Negara ada mempertikaikan apa yang berlaku di Wilayah dan juga Pejabat AG sendiri pun ada mempertikaikan. Jadi, sebab itu kami memanggil untuk memberi peluang kepada Yang Berhormat Menteri dan pegawai-pegawai Kementerian Wilayah untuk membuktikan...

Tuan Pengerusi: Sebab dia hendak *back up* Amanah, hendak *back-up* Menteri ini. [Ketawa]

Tuan Wong Kah Woh: Akan tetapi kita setuju, Yang Berhormat Hulu Langat. Kita memang setuju.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Keduanya, kami ingin memastikan Yang Berhormat Menteri berada dalam perjalanan yang betul. [Ketawa] Ketiganya, tidak mengulangi sebarang kesilapan atas alasan, "*Dulu Menteri boleh, kenapa kami tidak boleh?*" Jadi, itulah tujuan PAC memberi peringatan. Terima kasih.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Saya tidak pakai alasan itu ya. Tidak ada pakai alasan itu. [Ketawa]

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Terima kasih banyak.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad: Akan tetapi, kalau ada apa-apa yang telah dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara ataupun oleh *Attorney General* atau Peguam Negara berhubung dengan apa yang berlaku di Wilayah, saya harap kita boleh dimaklumkan. Pada kita, kisah yang 97 transaksi itu yang tidak dibincangkan hari ini, ia dilakukan dengan tujuan untuk mendapatkan pulangan yang lebih banyak bagi Wilayah Persekutuan dan kita telah capai itu. Akan tetapi mungkin ada yang cara dibuat itu tidak berapa kena kah atau apa kah, kita terbuka untuk menerima apa-apa teguran.

Hanya, ada saya dengarlah orang tanya kenapa kita tidak ambil tindakan, kita tidak senarai hitamkan, apa dan sebagainya. Kita punya jawatankuasa itu, kita punya *terms of reference is not to take any legal action or any action against anybody*. Dia hanya untuk runding, untuk mendapatkan harga yang lebih baik dan pulangan yang lebih baik. Ini kerana segala siasatan, kita serahkan kepada SPRM. *We do not have the ability nor the capacity to undertake that kind of investigation. That is the role of SPRM.* So, mereka sudah hendak dakwa, biar AG dakwa. Kita tidak halang. Maknanya *we give our full cooperation*. Itu sahajalah.

Tuan Pengerusi: Okey. Semua maklumat yang tadi kita minta seperti geran dan segala-galanya itu boleh maklumkan semula kepada Sekretariat. Terima kasih banyak Yang Berhormat Menteri dan semua, Datuk Bandar, KSU dan segala-galanya. Terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.58 tengah hari]